



LAPORAN TAHUNAN 2024

Jabatan Pendaftar

Jabatan Pendaftar
Universiti Malaysia Perlis
Aras 1, Canselor Tuanku Syed Sirajuddin
Kampus Alam UniMAP
Pauh Putra
02600 Arau
Perlis, MALAYSIA





UNIVERSITI
MALAYSIA
PERLIS

**JABATAN PENDAFTAR
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS**



KANDUNGAN

01

Perutusan Pendaftar

02

Sekilas Pandang

03

Sorotan Program Jabatan Pendaftar 2024

04

Pemantapan Urus Tadbir

05

Pendigitalan & Inovasi

05

Pengurusan Sumber Manusia

06

**Pembangunan Sumber Manusia &
Pengukuhan Bakat**

07

Pengurusan Kewangan

08

Lensa Kamera





PERUTUSAN PENDAFTAR



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum w.b.t. dan
Salam Ilmu, Keikhlasan Kecemerlangan UniMAP,

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah dengan berkat dan rahmatNya, Jabatan Pendaftar telah berjaya melaksanakan fungsi dan tugas sepanjang tahun 2024 dengan jayanya. Catatan kejayaan jabatan dizahirkan melalui penerbitan Laporan Tahunan 2024 ini agar pencapaian, maklumat, aktiviti serta berita di sebalik setiap kejayaan dapat dikongsi bersama. Saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada sidang redaksi dan staf Jabatan Pendaftar atas usaha dan komitmen dalam penerbitan laporan tahunan ini.

Sejajar dengan amanat Naib Canselor 2024 yang menginginkan semua staf UniMAP kompeten dalam bidang tugas masing-masing, keseluruhan ekosistem dan proses sumber manusia samada perancangan, pengurusan dan pembangunan telah diperkemas agar berteraskan kepada kompetensi universiti yang telah dibangunkan. Fokus diberi kepada penambahbaikan kaedah pemilihan dan pelantikan bakat baharu; pengenalan laluan kerjaya yang lebih jelas bagi semua skim perkhidmatan; pelaksanaan latihan dan pembangunan bakat berteraskan kompetensi; dan pemurnian kaedah penilaian kelompok bakat sebagai bakal pemimpin masa hadapan.

Selain itu aspek pengukuhan tatakelola dalam sistem pengurusan dan pentadbiran turut diberi penekanan agar kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan dapat ditingkatkan.

Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) yang diperkenalkan mulai 1 Disember 2024 tidak hanya berfokus kepada pembaharuan dan kenaikan dalam penggajian penjawat awam, tetapi ia adalah satu sistem saraan yang berteraskan nilai dan prestasi. SSPA menuntut semangat budaya kerja baru di kalangan penjawat awam. Justeru, fokus juga diberikan dalam menggalakkan penugasan berbilang (multi-tasking) dan kemahiran berbilang (multi-skilling) dalam kalangan staf agar penggunaan sumber manusia dapat dioptimumkan.



Akhir kata, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua warga Jabatan Pendaftar yang telah memberi komitmen yang padu dalam menggalas amanah yang diberikan. Semoga Jabatan Pendaftar akan lebih cemerlang dan melakar lebih banyak kejayaan sesuai dengan misi jabatan dan bergerak seiring dengan matlamat universiti untuk Kekal Relevan Dan Berimpak.

Norsyahiza Hamzah

Pendaftar

Universiti Malaysia Perlis



SIDANG REDAKSI



Penasihat **Norsyahiza Binti Hamzah**

Editor **Noor Aziana Binti Iberahim**


Mardzlifa Binti Adam

Che Ku Kairulazam Bin Che Ku Abdullah

Manja Camelya Binti Merzeland

Amar Bin Che Man

CARTA ORGANISASI



SEKILAS PANDANG

Jabatan Pendaftar diwujudkan selaras dengan penubuhan Universiti Malaysia Perlis (dahulunya Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia) pada 25 Julai 2001. Jabatan Pendaftar merupakan nadi utama kepada universiti bagi memainkan peranan dalam menggerakkan aktiviti pengurusan dan menerajui pentadbiran utama universiti.

Mesyuarat JKPU Kali Ke-161 Bil.15/2020 pada 1 Julai 2020 telah meluluskan penstrukturan semula Jabatan Pendaftar selaras dengan penstrukturan semula universiti yang berkuat kuasa 2 Mac 2020. Terdapat tiga(3) struktur utama Jabatan Pendaftar iaitu Pejabat Pendaftar, Bahagian Governan dan Bahagian Sumber Manusia yang berperanan terhadap fungsi masing-masing.

Jabatan Pendaftar beroperasi di Aras Bawah dan Aras 1 Canselori Tuanku Syed Sirajuddin, Kampus Alam UniMAP Pauh Putra dan mempunyai kapasiti seramai 43 orang staf.

MISI

Menerajui transformasi pengurusan universiti melalui pemerkasaan tadbir urus dan pemantapan sumber manusia demi memenuhi keperluan pemegang taruh.

VISI

Menjadi pusat tadbir urus dan pengurusan sumber manusia yang cemerlang.

OBJEKTIF



Melaksana amalan tadbir urus terbaik universiti berdasarkan akta, perlembagaan dan dasar-dasar yang berkuat kuasa secara teratur dan sistematik.



Mengurus sumber manusia berteraskan kompetensi ke arah peningkatan profesionalisme demi mendokong aspirasi universiti.



Membangun sumber manusia secara holistik demi meningkatkan prestasi dan kemahiran bagi mencapai tahap kecekapan dan kepakaran selaras dengan kerangka kompetensi universiti.



Melaksanakan penyampaian perkhidmatan yang cekap dan responsif bagi memenuhi kehendak dan keperluan pemegang taruh

MAKLUMAT PERJAWATAN



BIL.	JAWATAN	GRED	TETAP		KONTRAK		Σ
							
1	Pegawai Tadbir	N14		1			1
2	Pegawai Tadbir	N12	1	1			2
3	Pegawai Tadbir	N10	3	10			13
4	Pegawai Tadbir	N9		1			1
5	Penolong Pegawai Tadbir	N6	1				1
6	Setiausaha Pejabat	N6		1			1
7	Penolong Pegawai Tadbir	N5	1		1	2	4
8	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	N3		3			3
9	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	N2		8			8
10	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	N1	3	1	2	1	7
11	Pembantu Khidmat Am	H1	2				2
JUMLAH			11	26	3	3	43

LANTIKAN KE JAWATAN TETAP TAHUN 2024



Amar Bin Che Man

Penolong Pegawai Tadbir Gred N29

Tarikh berkuat kuasa : 1 November 2024



Shaifful bin Dali

Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19

Tarikh berkuat kuasa : 1 November 2024

KENAIKAN PANGKAT TAHUN 2024



Norsyahiza Binti Hamzah

Pegawai Tadbir Gred N54

Tarikh berkuat kuasa : 15 April 2024



Rosmawatie Binti Abd Latif

Pegawai Tadbir Gred N44

Tarikh berkuat kuasa : 1 April 2024



Azwanee Binti Idzahar@Idzhar

Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N26

Tarikh berkuat kuasa : 1 Januari 2024



Noraisyah Binti Abu Bakar

Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N22

Tarikh berkuat kuasa : 1 Januari 2024

STAF JABATAN PENDAFTAR PENERIMA SERI GEMILANG TAHUN 2023



Nor Azreen Binti Mohd Yussof
Pegawai Tadbir Gred N41
Anugerah Perkhidmatan Cemerlang

Azila Binti Zainol

Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N22
Anugerah Perkhidmatan Cemerlang



Amirul Syehan Bin Kisham
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19
Anugerah Khas Perkhidmatan Cemerlang

Aznira Binti Abdul Azib

Pegawai Tadbir Gred N44
Anugerah Perkhidmatan Lama- Pingat Jasa Bakti



Noramashita Binti Ahmad
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N26
Anugerah Perkhidmatan Lama- Pingat Jasa Bakti

Irdawati Binti Darus

Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N26
Anugerah Perkhidmatan Lama- Pingat Jasa Bakti



Raja Shah Erman Bin Raja Arifin
Pegawai Tadbir Gred N48
Anugerah Pentadbir Gemilang



**ANUGERAH KEPIMPINAN SEJAHTERA
SEMPENA PERSIDANGAN PSIKOLOGI &
KAUNSELING INSTITUT PENDIDIKAN TINGGI (IPT)
PERINGKAT KEBANGSAAN 2024**



**ANUGERAH PERSONALITI MAAL HIJRAH 1446
SEMPENA SAMBUTAN MAAL HIJRAH 1446
PERINGKAT UniMAP**





SOROTAN PROGRAM TAHUN 2024

ISTIADAT KONVOKESYEN 19 UniMAP PADA 9-12 NOVEMBER 2024

Istiadat Konvokesyen 19 UniMAP yang berlangsung selama empat(4) hari bermula 9-12 November 2024 telah menyaksikan seramai 3,296 graduan menerima ijazah masing-masing. Istiadat Konvokesyen yang dilaksanakan dalam lapan(8) sidang telah disempurnakan dengan keberangkatan DYT M Canselor dan DYT M Pro Canselor.

Bersempena Istiadat Konvokesyen 19 UniMAP, Profesor Dato' Dr. Ali Yeon bin Md Shakaff telah dianugerahkan gelaran Profesor Emeritus pada sidang pertama istiadat, manakala Encik Cheah Hun Wah, Co-CEO di Syarikat Oppstar Technology Sdn. Bhd. telah dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Kejuruteraan.

Jabatan Pendaftar telah menjadi urusetia Mesyuarat Jawatankuasa Istiadat Konvokesyen UniMAP yang dipengerusikan oleh Naib Canselor UniMAP. Mesyuarat telah diadakan sebanyak dua(2) kali bertujuan mengatur persiapan dan gerak kerja bagi melancarkan urusan pelaksanaan Istiadat Konvokesyen 19 UniMAP.

- 01 Mesyuarat Post Mortem Istiadat Konvokesyen 18
Tarikh : 16 Januari 2024
- 02 Mesyuarat Post Mortem Jawatankuasa Istiadat Konvokesyen UniMAP
Tarikh : 13 Februari 2024
- 03 Mesyuarat Jawatankuasa Istiadat Konvokesyen Kali Ke-13 Bil.1/2024
Tarikh : 27 Mei 2024
- 04 Mesyuarat Jawatankuasa Istiadat Konvokesyen Kali Ke-14 Bil.2/2024
Tarikh : 18 Oktober 2024





SIDANG	TARIKH	FAKULTI/PROGRAM	JUMLAH GRADUAN
1	9 November 2024	PASCA SISWAZAH & FKTM	386
2		FKTM/FKTA	376
3	10 November 2024	FKTEN	342
4		FKTEN/FKTK	434
5	11 November 2024	FKTE	417
6		FPK	437
7	12 November 2024	FPK / DIPLOMA	424
8		DIPLOMA & PROG. PROFESIONAL	480





MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC), ANUGERAH KHAS PERKHIDMATAN CEMERLANG (AKPC) & ANUGERAH KHAS PERKHIDMATAN LAMA (APL)

Anugerah ini mengiktiraf sumbangan yang melebihi daripada keperluan tanggungjawab biasa bagi jawatannya. Ini merupakan tanda penghargaan terhadap perkhidmatan yang bermutu tinggi, komitmen, dan dedikasi.



Majlis Anugerah Seri Gemilang 2023 yang berlangsung di Dewan Ilmu, Kampus Alam UniMAP pada 7 Mac 2024 memperlihatkan seramai 136 penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dari kalangan staf lantikan tetap, 26 penerima Anugerah Khas Perkhidmatan Cemerlang (AKPC) bagi staf lantikan kontrak dan 73 orang penerima Anugerah Perkhidmatan Lama (APL) bagi staf yang dilantik tetap tahun 2002 dan 2003.



MAJLIS PENYERAHAN WATIKAH PELANTIKAN KETUA JABATAN UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan Ketua Jabatan Universiti Malaysia Perlis telah diadakan pada 11 September 2024 (Rabu) bertempat di Dewan Keikhlasan, Aras 2, Canselori Tuanku Syed Sirajuddin. Dalam majlis ini Naib Canselor telah menyampaikan watikah pelantikan kepada 38 orang Ketua Jabatan UniMAP yang terdiri daripada enam(6) orang Dekan, dua(2) orang Pengarah Kanan dan 30 orang Pengarah. Tarikh kuat kuasa pelantikan Ketua Jabatan adalah mulai 1 Oktober 2024 sehingga 30 September 2026. Naib Canselor turut menyampaikan amanat dan hasrat kepada setiap individu yang dilantik agar dapat memimpin Pusat Tanggungjawab (PTj) masing-masing dengan penuh dedikasi dan berintegriti tinggi selaras dengan aspirasi pendidikan tinggi negara.



MAJLIS PERJUMPAAN NAIB CANSOLOR BERSAMA KETUA JABATAN DAN JAWATAN PELANTIKAN BERSAMA LANTIKAN 2024/2026

Majlis Perjumpaan Naib Canselor Bersama Ketua Jabatan dan semua Jawatan Pelantikan Bersama Lantikan 2024/2026 telah diadakan pada 4 Oktober 2024 di Auditorium Canselori Tuanku Syed Sirajuddin, Pauh Putra. Majlis ini merupakan satu platform bagi Naib Canselor untuk menyampaikan amanat dan hasrat beliau kepada semua Ketua Jabatan dan staf-staf yang dilantik bagi jawatan pelantikan bersama agar komited dalam memikul tanggungjawab demi kecemerlangan universiti. Majlis ini menghimpunkan seramai 38 orang Ketua Jabatan dan 178 jawatan pelantikan bersama lain dari 46 Pusat Tanggungjawab.



MAJLIS PENGHARGAAN PESARA

Majlis Penghargaan Pesara - Jasamu Dikenang Universiti Malaysia Perlis telah diadakan pada 13 November 2024 bertempat di Dewan Bankuet, Canselor Tuan Syed Sirajuddin, Kampus Alam UniMAP, Pauh Putra. Simbolik utama majlis ini adalah untuk meraikan pesara yang telah berkhidmat dan berjasa kepada UniMAP di samping sebagai tanda penghargaan ikhlas di atas segala sumbangan dan khidmat bakti yang dicurahkan selama berkhidmat dalam perkhidmatan awam khususnya di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP). Seramai 12 orang pesara yang diraikan melibatkan enam(6) orang bersara wajib dan enam(6) orang bersara pilihan. Naib Canselor turut merasmikan majlis ini dan dimeriahkan dengan kehadiran Pegawai-pegawai Utama Universiti, Ketua-ketua Jabatan serta pihak urusetia daripada Jabatan Pendaftar.



SESI LIBAT URUS PEKELILING PERKHIDMATAN SSPA



Pelaksanaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) bagi pegawai lantikan tetap Perkhidmatan Awam Persekutuan berkuat kuasa pada 1 Disember 2024 dan dilaksanakan menerusi Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024 .

Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024 merupakan punca kuasa pelaksanaan inisiatif-inisiatif bagi sistem saraan baharu dalam perkhidmatan awam yang telah diterima pakai oleh Lembaga Pengarah Universiti (LPU) melibatkan struktur perkhidmatan merangkumi aspek skim perkhidmatan, urusan perkhidmatan, gaji, elaun, kemudahan, persaraan dan faedah persaraan. Menerusi pekeliling ini juga, opsyen SSPA akan turut ditawarkan kepada penjawat awam.

Sehubungan itu, Sesi Libat Urus (SLU) Pekeliling Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) bersama Jabatan Pendaftar UniMAP telah diadakan pada 14 Oktober 2024 (Isnin) hingga 16 Oktober 2024 (Rabu).



PELAKSANAAN SISTEM MYPORTFOLIO & MYPERFORMANCE

Pengurusan Universiti telah memutuskan penggunaan pakai modul MyPerformance bagi urusan penilaian prestasi semua staf bagi Kumpulan Pengurusan Tertinggi, Kumpulan Pengurusan & Profesional dan Kumpulan Pelaksana dilaksanakan mulai tahun 2024.

Pelaksanaan fasa pertama MyPerformance yang melibatkan staf kumpulan Pengurusan & Profesional dan Kumpulan Pelaksana, staf perlu melengkapkan komponen Deskripsi Tugas dalam modul myPortfolio, komponen Sasaran Kerja Utama (SKU) dan mengemaskini komponen Penglibatan & Sumbangan.

Bagi memastikan kelancaran penggunaan dua(2) modul tersebut, jabatan ini telah mengadakan beberapa siri taklimat kepada Pusat Tanggungjawab (PTj) untuk mencapai objektif pelaksanaannya.

PUSAT TANGGUNGJAWAB	TARIKH
Taklimat kepada semua wakil skim	16 Disember 2024
Pusat Pengajian Siswazah	17 Disember 2024
Taklimat kepada wakil PTj dibawah portfolio TNCHEPA	18 Disember 2024
Taklimat kepada semua staf Kumpulan Pengurusan & Profesional (Pentadbiran) dan staf Kumpulan Pelaksana	19 Disember 2024
Jabatan Pendaftar	20 Disember 2024
Pusat Libatsama Antarabangsa (CIE) dan Bahagian Promosi & Pemasaran (PMD)	27 Disember 2024
Jabatan Perpustakaan	30 Disember 2024
Pusat Pembangunan Profesional & Pembelajaran Berterusan (PDCE) dan Pusat TVET	31 Disember 2024
Pusat Perumahan Pelajar & Jabatan Keselamatan	2 Januari 2025
Pusat Sukan & Rekreasi dan Pusat Kesihatan Universiti	3 Januari 2025
Bengkel penyediaan myPortfolio dan MyPerformance kepada staf pentadbiran di 6 Fakulti	6 Januari 2025
Bengkel penyediaan myPortfolio dan MyPerformance kepada staf teknikal di 6 Fakulti	7 Januari 2025
PTj yang beroperasi di Canselori : Pusat Ko- Kurikulum, INSAT, PIMPIN, LEAD,JHEP, PPA, TNC(P&I), TNC (A&A), RMC	8 Januari 2025
Pusat Pembangunan dan Pengurusan Digital	9 Januari 2025

PROGRAM THE ROAD MAP TO TALENT EXCELLENT

Program *The Road Map To Talent Excellent* atau Persidangan Meja Bulat yang diadakan ini bertujuan memperkasa peranan dan Pengurusan Sumber Manusia Universiti khasnya melalui perkongsian pengalaman Pengurusan Tertinggi di Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (HRM) dan Pembangunan Sumber Manusia (HRD) di tiga(3) institusi pendidikan di utara Semenanjung Malaysia iaitu UniMAP, UUM dan UiTM Cawangan Kedah.

Program persidangan ini telah diadakan pada 30 November 2024 di Grand Alora Hotel Alor Star, Kedah yang merangkumi tiga(3) tema @kluster utama iaitu :

- Melahirkan lebih ramai Profesional yang kompeten / 'Produce more Competent Professional'
- Membangunkan pemimpin yang berdaya saing / 'Develop Competitive leadership'
- Keterlihatan dalam Pengurusan Bakat / 'Visibility on Talent Management'



Sesi 1 : Keynote Speaker

- Cik Norsyahiza Hamzah (UniMAP)
(Membangun pemimpin yang Berdaya Saing/*Develop Competitive Leadership*)

Sesi 2 : Pembentangan & Perkongsian

- Pn. Hj. Noor Aziana Iberahim (UniMAP)
- En. Azahari Azmi (UUM)
(Melahirkan Lebih Ramai Profesional /*Produce More Profesional*)

Sesi 3: Forum & Perkongsian

- YM Raja Shah Erman Raja Arifin (UniMAP)
- Pn. Kartini Tajul Urus (UUM)
- Pn. Siti Kesuma Tambong (UiTM)
(Keterlihatan dalam Pengurusan Bakat/*Visibility on Talent Management*)



SESI LAWATAN LIBAT URUS AKEPT



Pada 27 Jun 2024, AKEPT telah mengadakan sesi kunjungan hormat dan sesi libat urus bersama pegawai-pegawai yang menjaga portfolio pengurusan bakat Universiti bagi mengukuh jaringan dalam menjayakan agenda kepimpinan pendidikan tinggi negara.

Antara sesi penting yang diadakan adalah Kunjungan hormat delegasi AKEPT ke Pejabat Naib Canselor UniMAP, Perbincangan khas antara delegasi AKEPT bersama Pengurusan Tertinggi UniMAP yang dipengerusikan oleh Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi (P&I), Prof. Ir. Dr. Rizalafendi Che Ismail di Bilik Mesyuarat Utama, Jabatan Pendaftar dan akhir sekali sesi bersama Bakat Muda UniMAP yang melibatkan 100 orang Pentadbir dan Akademik di Dewan Kuliah, UniMAP

Program ini diadakan agar selari dengan hasrat universiti untuk memperkasakan Pemimpin dan bakat serta mengukuhkan jalinan kerjasama antara universiti dan AKEPT.



LAWATAN SAMBIL BELAJAR DARI BAHAGIAN KEPIMPINAN DAN PEMBANGUNAN BAKAT (BKEPT) UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Program ini merupakan lawatan interaksi dua hala bagi berkongsi amalan terbaik universiti berkaitan operasi pembangunan bakat selain berpeluang menjalinkan hubungan silaturrahim di antara kakitangan BKePT, UMS dengan pihak Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar, UniMAP. Antara fokus perkongsian kali ini meliputi operasi di Unit Pelan Penggantian, Unit Kemajuan Kerjaya, Unit Latihan dan Pengukuhan Bakat. Ditambah lagi perkongsian dari Kesatuan Kakitangan Pelaksana Universiti Malaysia Perlis (KESONA) dan pelaksanaan sistem UniTalent oleh pihak DMDC.

Delegasi turut melawat sekitar kampus UniMAP iaitu di Pusat TVET UniMAP dan Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra. Delegasi terdiri daripada 14 staf BKePT, UMS yang diketuai oleh Ketua Timbalan Pendaftar, Cik Kamisah Husin, Ketua Bahagian, bersama-sama tiga(3) orang Pegawai Kanan dan seorang(1) Penolong Pegawai serta sembilan(9) staf Kumpulan Pelaksana.





PEMANTAPAN TADBIR URUS

LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI (LPU)

Keahlian

Pengerusi : Tan Sri Dato' Sri Sufri bin Hj. Mhd Zin

Ahli :

- Prof. Dato' Ts. Dr. Zaliman bin Sauli - Iantikan semula mulai 9 Ogos 2024
- Dr. Wan Baharudin bin Wan Mahmood
- Encik Azhar bin Abdul Aziz - mulai 16 Oktober 2024
- Prof. Dr. Khairul Azwan bin Ismail
- Encik Muhamed Ali bin Hajah Mydin
- Dato' Shaiful Hazizy bin Zainol Abidin
- Dr. Ida Saliny binti Hassan (Ahli Silih Ganti) - mulai 16 Disember 2024
- Encik Md. Farishzan bin Ismail - sehingga 15 September 2024
- Puan Azihani binti Ali - sehingga 16 Oktober 2024

Setiausaha: Cik Norsyahiza bintiHamzah (Pendaftar)



MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI (LPU)

Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Kali Ke-90 Bil. 1/2024

22 Februari 2024 [Khamis]

Bilik Mesyuarat Eksekutif, Aras 4, Canselori Tuanku Syed Sirajuddin,
Kampus Alam UniMAP Pauh Putra, 02600 Arau, Perlis

Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Kali Ke-91 Bil. 2/2024

04 April 2024 [Khamis]

Secara Dalam Talian (Google Meet)

Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah Universiti Bil. 1/2024

13 Mei 2024 [Isnin]

Secara Dalam Talian (Google Meet)

Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Kali Ke-92 Bil. 3/2024

06 Jun 2024 [Khamis]

Bilik Mesyuarat Eksekutif, Aras 4, Canselori Tuanku Syed Sirajuddin,
Kampus Alam UniMAP Pauh Putra, 02600 Arau, Perlis.

Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Kali Ke-93 Bil. 4/2024

31 Julai 2024 [Rabu]

Boardroom Meeting, Zenith V, Tingkat 1, Zenith Hotel, Jalan P2A, Presint 2,
62100 Putrajaya, Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah Universiti Bil. 2/2024

6 Ogos 2024 (Selasa)

Boardroom Meeting, Zenith V, Tingkat 1, Zenith Hotel, Jalan P2A, Presint 2,
62100 Putrajaya, Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Kali Ke-94 Bil. 5/2024

09 Oktober 2024 [Rabu]

Bilik Mesyuarat Eksekutif, Aras 4, Canselori Tuanku Syed Sirajuddin,
Kampus Alam UniMAP Pauh Putra, 02600 Arau, Perlis.

Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Kali Ke-95 Bil. 6/2024

18 Disember 2024 [Rabu]

Bilik Mesyuarat Eksekutif, Aras 4, Canselori Tuanku Syed Sirajuddin,
Kampus Alam UniMAP Pauh Putra, 02600 Arau, Perlis dan
Secara Dalam Talian (Google Meet)

MESYUARAT MAJLIS SUMBER MANUSIA

Mesyuarat Majlis Sumber Manusia Universiti Kali Ke-4 (Bil.1/2024)
Tarikh : 30 Januari 2024

Mesyuarat Majlis Sumber Manusia Universiti Kali Ke-5 (Bil.2/2024)
Tarikh : 10 Disember 2024

MESYUARAT BERSAMA JABATAN (MBJ)

Mesyuarat Kali Ke-39 Bil.1/2024
Tarikh : 17 April 2024

Mesyuarat Kali Ke-40 Bil.2/2024
Tarikh : 26 Julai 2024

Mesyuarat Kali Ke-41 Bil.3/2024
Tarikh : 6 Disember 2024



MESYUARAT JAWATANKUASA PEMILIH PELANTIKAN STAF

Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Staf Kumpulan P&P (Akademik) Bil. 1/2024
Tarikh : 2 Januari 2024

Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Staf Kumpulan P&P (Akademik) Bil. 2/2024
Tarikh : 19 Mac 2024

Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Staf Kumpulan P&P (Akademik) Bil. 3/2024
Tarikh : 19 Mac 2024

Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Staf Kumpulan P&P (Akademik) Bil. 4/2024
Tarikh : 22 Mac 2024

Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Staf Kumpulan P&P (Akademik) Bil. 5/2024
Tarikh : 22 April 2024

Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Staf Kumpulan P&P (Akademik) Bil. 6/2024
Tarikh : 30 Mei 2024

Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Staf Kumpulan P&P (Akademik) Bil. 7/2024
Tarikh : 15 Julai 2024

Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Staf Kumpulan P&P (Akademik) Bil. 8/2024
Tarikh : 8 Ogos 2024

Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Staf Kumpulan P&P (Akademik) Bil. 9/2024
Tarikh : 30 Ogos 2024

Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Staf Kumpulan P&P (Akademik) Bil. 10/2024
Tarikh : 11 Oktober 2024

Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Staf Kumpulan P&P (Akademik) Bil. 11/2024
Tarikh : 17 Oktober 2024

Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Staf Kumpulan P&P (Akademik) Bil. 12/2024
Tarikh : 18 November 2024

Mesyuarat Jawatankuasa Pilih Staf Kumpulan P&P (Pentadbiran) Bil. 1/2024
Tarikh : 16 Ogos 2024

Mesyuarat Jawatankuasa Pilih Staf Kumpulan P&P (Pentadbiran) Bil. 2/2024
Tarikh : 22 Ogos 2024

Mesyuarat Jawatankuasa Pilih Staf Kumpulan P&P (Pentadbiran) Bil. 3/2024
Tarikh : 12 September 2024

Mesyuarat Jawatankuasa Pilih Staf Kumpulan P&P (Pentadbiran) Bil. 4/2024
Tarikh : 4 November 2024

Mesyuarat Jawatankuasa Pilih Staf Kumpulan Pelaksana Bil. 1/2024
Tarikh : 26 Mac 2024

Mesyuarat Jawatankuasa Pilih Staf Kumpulan Pelaksana Bil. 2/2024
Tarikh : 30 Ogos 2024

Mesyuarat Jawatankuasa Pilih Staf Kumpulan Pelaksana Bil. 3/2024
Tarikh : 27 September 2024

Mesyuarat Jawatankuasa Pilih Staf Kumpulan Pelaksana Bil. 4/2024
Tarikh : 22 Oktober 2024

Mesyuarat Jawatankuasa Pilih Staf Kumpulan Pelaksana Bil. 5/2024
Tarikh : 28 Oktober 2024

Mesyuarat Jawatankuasa Pilih Staf Kumpulan Pelaksana Bil. 6/2024
Tarikh : 6 November 2024

Mesyuarat Jawatankuasa Pilih Staf Kumpulan Pelaksana Bil. 7/2024
Tarikh : 20 November 2024

MESYUARAT JAWATANKUASA PEMILIH PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

Mesyuarat Jawatankuasa Pemilih Pengesahan Dalam Perkhidmatan Bil. 1/2024
Tarikh : 12 Mac 2024

Mesyuarat Jawatankuasa Pemilih Pengesahan Dalam Perkhidmatan Bil. 2/2024
Tarikh : 19 Julai 2024

Mesyuarat Jawatankuasa Pemilih Pengesahan Dalam Perkhidmatan Bil. 3/2024
Tarikh : 28 Oktober 2024

MESYUARAT JAWATANKUASA PEMILIH KENAIKAN PANGKAT STAF

Mesyuarat Bil. 1/2024 Jawatankuasa Pemilih Bagi Pelantikan/Kenaikan Pangkat Staf Kumpulan Pengurusan Tertinggi - Akademik (Profesor)
Tarikh : 16 Julai 2024

Mesyuarat Bil. 2/2024 Jawatankuasa Pemilih Bagi Pelantikan/Kenaikan Pangkat Staf Kumpulan Pengurusan Tertinggi - Akademik (Profesor)
Tarikh : 5 Disember 2024

Mesyuarat Bil.1/2024 Jawatankuasa Pemilih Bagi Kenaikan Pangkat Staf Kumpulan Pengurusan dan Profesional – Pentadbir
Tarikh : 2 Januari 2024

Mesyuarat Bil. 2/2024 Jawatankuasa Pemilih Bagi Kenaikan Pangkat Staf Kumpulan Pengurusan dan Profesional – Akademik.
Tarikh : 19 Januari 2024

Mesyuarat Bil. 3/2024 Jawatankuasa Pemilih Bagi Kenaikan Pangkat Staf Kumpulan Pengurusan dan Profesional – Akademik.
Tarikh : 12 Mac 2024

Mesyuarat Bil. 4/2024 Jawatankuasa Pemilih Bagi Kenaikan Pangkat Staf
Kumpulan Pengurusan dan Profesional – Pentadbiran
Tarikh : 12 Mac 2024

Mesyuarat Bil. 5/2024 Jawatankuasa Pemilih Bagi Kenaikan Pangkat Staf
Kumpulan Pengurusan dan Profesional – Akademik.
Tarikh : 30 April 2024

Mesyuarat Bil. 6/2024 Jawatankuasa Pemilih Bagi Kenaikan Pangkat Staf
Kumpulan Pengurusan dan Profesional – Akademik.
Tarikh : 6 Mei 2024

Mesyuarat Bil. 7/2024 Jawatankuasa Pemilih Bagi Kenaikan Pangkat Staf
Kumpulan Pengurusan dan Profesional – Akademik.
Tarikh : 7 Mei 2024

Mesyuarat Bil. 8/2024 Jawatankuasa Pemilih Bagi Kenaikan Pangkat Staf
Kumpulan Pengurusan dan Profesional – Akademik.
Tarikh : 15 Julai 2024

Mesyuarat Bil. 9/2024 Jawatankuasa Pemilih Bagi Kenaikan Pangkat Staf
Kumpulan Pengurusan dan Profesional – Akademik.
Tarikh : 25 Julai 2024

Mesyuarat Bil. 10/2024 Jawatankuasa Pemilih Bagi Kenaikan Pangkat Staf
Kumpulan Pengurusan dan Profesional – Akademik.
Tarikh : 28 Oktober 2024

Mesyuarat Bil. 11/2024 Jawatankuasa Pemilih Bagi Kenaikan Pangkat Staf
Kumpulan Pengurusan dan Profesional – Akademik.
Tarikh : 13 Disember 2024

Mesyuarat Bil.1/2024 Jawatankuasa Pemilih Bagi Kenaikan Pangkat Staf
Kumpulan Pelaksana.
Tarikh : 26 Mac 2024

Mesyuarat Bil.2/2024 Jawatankuasa Pemilih Bagi Kenaikan Pangkat Staf
Kumpulan Pelaksana.
Tarikh : 27 September 2024

MESYUARAT JAWATANKUASA CUTI BELAJAR

Mesyuarat Jawatankuasa Induk Cuti Belajar Bil. 1/2024
Tarikh : 14 Mac 2024

Mesyuarat Jawatankuasa Induk Cuti Belajar Bil. 2/2024
Tarikh : 11 Julai 2024

Mesyuarat Jawatankuasa Induk Cuti Belajar Bil. 3/2024
Tarikh : 25 November 2024

Mesyuarat Jawatankuasa Cuti Belajar Bil.1/2024
Tarikh : 04 Januari 2024

Mesyuarat Jawatankuasa Cuti Belajar Bil.2/2024
Tarikh : 06 Februari 2024

Mesyuarat Jawatankuasa Cuti Belajar Bil.3/2024
Tarikh : 22 April 2024

Mesyuarat Jawatankuasa Cuti Belajar Bil.4/2024
Tarikh : 13 Mei 2024

Mesyuarat Jawatankuasa Cuti Belajar Bil.5/2024
Tarikh : 26 Jun 2024

Mesyuarat Jawatankuasa Cuti Belajar Bil.6/2024
Tarikh : 11 Julai 2024

Mesyuarat Jawatankuasa Cuti Belajar Bil.7/2024
Tarikh : 19 September 2024

Mesyuarat Jawatankuasa Cuti Belajar Bil.8/2024
Tarikh : 21 Oktober 2024

Mesyuarat Jawatankuasa Cuti Belajar Bil.9/2024
Tarikh : 29 Oktober 2024

MESYUARAT PENDAFTAR BERSAMA PEGAWAI-PEGAWAI TADBIR JABATAN PENDAFTAR

Mesyuarat Pendaftar Bersama Pegawai-Pegawai Tadbir Jabatan Pendaftar merupakan platform utama bagi semua pegawai melapor/membentangkan dan membincangkan perkara-perkara yang berkaitan hala tuju/KPI/masalah/isu semasa Bahagian/Unit ke arah penyampaian perkhidmatan berkesan dan tadbir urus yang terbaik. Pada tahun 2024 tiga(3) siri mesyuarat telah diadakan bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, Aras 1, Jabatan Pendaftar, Canselor Tuanku Syed Sirajuddin bagi tujuan tersebut.



- 01 Mesyuarat Pendaftar Bersama Pegawai-Pegawai Tadbir Kali Ke-42 Bil.1/2024
Tarikh : 5 Februari 2024
- 02 Mesyuarat Pendaftar Bersama Pegawai-Pegawai Tadbir Kali Ke-43 Bil.2/2024
Tarikh : 24 Mei 2024
- 03 Mesyuarat Pendaftar Bersama Pegawai-Pegawai Tadbir Kali Ke-44 Bil.3/2024
Tarikh : 2 September 2024



PERHIMPUNAN BULANAN JABATAN PENDAFTAR

Perhimpunan Bulanan Jabatan Pendaftar merupakan satu platform perjumpaan semua staf yang terdiri daripada kumpulan pengurusan & profesional dan kumpulan pelaksana bertujuan untuk berkongsi maklumat, tazkirah, pengalaman dan perkongsian ilmu yang bermanfaat kepada semua staf.

Perkongsian ini bukan sahaja melibatkan staf Jabatan Pendaftar, namun jemputan turut dipanjangkan kepada staf PTj lain.

01

Perhimpunan Bulanan Bil.1/2024
Tarikh : 1 Mac 2024

02

Perhimpunan Bulanan Bil.2/2024
Tarikh : 13 Jun 2024



PEKELILING PENDAFTAR

01

Pekeliling Pendaftar Bilangan 1 Tahun 2024

Peraturan Menamakan Bangunan Kerajaan Persekutuan Di
Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)

02

Pekeliling Pendaftar Bilangan 2 Tahun 2024

Garis Panduan Kaedah Penjimatan Tenaga Di Pejabat & Premis
Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)

03

Pekeliling Pendaftar Bilangan 3 Tahun 2024

Garis Panduan Dan Syarat-Syarat Pengesahan Dalam
Perkhidmatan Bagi Staf Universiti Malaysia Perlis

04

Pekeliling Pendaftar Bilangan 4 Tahun 2024

Peraturan Universiti Malaysia Perlis
(Lalu Lintas Di Dalam Kampus) 2023

05

Pekeliling Pendaftar Bilangan 5 Tahun 2024

Dasar Skim Khas Universiti

06

Pekeliling Pendaftar Bilangan 6 Tahun 2024

Penerimaan Pakai Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia
Bagi Pekeliling Induk Pengurusan Hubungan Majikan - Pekerja

PEKELILING PENDAFTAR

07

Pekeliling Pendaftar Bilangan 7 Tahun 2024

Penerimaan Pakai Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia
Kluster Saraan Bagi Pekeliling Induk
Kemudahan Perubatan Dengan Pindaan

08

Pekeliling Pendaftar Bilangan 8 Tahun 2024

Hari Kelepasan Am Persekutuan & Negeri Perlis Bagi
Tahun 2025

09

Pekeliling Pendaftar Bilangan 9 Tahun 2024

Penambahbaikan Garis Panduan Skim Perkhidmatan
Perubatan Staf (SIHAT) Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)

10

Surat Pekeliling Pendaftar Bilangan 1 Tahun 2024

Penerimaan Pakai Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia
,Ceraian SR.2.1.1 - Permohonan Perbelanjaan Bagi Kemudahan
Perubatan Dengan Pindaan

11

Surat Pekeliling Pendaftar Bilangan 2 Tahun 2024

Kemudahan Pembiayaan Kos Pembelian Cermin Mata
Kepada Staf Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)

12

Surat Pekeliling Pendaftar Bilangan 3 Tahun 2024

Nama Bangunan, Dewan, Bilik Mesyuarat Dan Ruangan
Gunasama Di Universiti Malaysia Perlis

SESI PERKONGSIAN AMALAN TERBAIK LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI (LPU) DENGAN PENGURUSAN TERTINGGI UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS (UniMAP)

Sesi Perkongsian Amalan Terbaik Lembaga Pengarah Universiti (LPU) dengan Pengurusan Tertinggi UniMAP telah diadakan pada 31 Julai 2024 (Rabu) bertempat di Cruise, Tasik Putrajaya, Wilayah Persekutuan Putrajaya. Sesi perkongsian ini bertujuan untuk berkongsi idea dan pengalaman terbaik Lembaga Pengarah Universiti dalam urus tadbir bersama Pengurusan Tertinggi UniMAP.

Dr. Wan Baharudin bin Wan Mahmood, mewakili Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti berkongsi pengalaman dan hasrat Lembaga dalam memacu peranan dan hala tuju universiti serta sumbangan yang dapat memberi impak kepada negara:

► **Penyediaan bakat**

- Peranan universiti memenuhi permintaan (pelajar) dalam industri
- Keupayaan universiti memperkukuh usaha supaya pelajar mencapai gaji premium

► **Penyelidikan dan Inovasi**

- Penyelidikan yang dilaksanakan oleh universiti dapat menyumbang kepada inovasi dan pengkomersialan serta membantu meningkatkan taraf ekonomi masyarakat

► **Perkongsian ilmu dan bakat**

- Kepakaran pensyarah-pensyarah universiti untuk menjadi pakar rujuk kepada bidang-bidang tertentu contohnya mikroelektronik.
- Pakar-pakar rujuk ini terlibat dalam pembangunan polisi-polisi negara

► **Pengantarabangsaan**

- Peningkatan pendapatan negara melalui yuran atau kos sara hidup daripada pelajar-pelajar antarabangsa yang mengikuti pengajian di Malaysia.



KUNJUNG HORMAT DAN SESI TAKLIMAT KEPADA AHLI LPU BAHARU (WAKIL KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA)

Selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 17(1)(c) Perlembagaan Universiti Malaysia Perlis, YB Menteri Pendidikan telah bersetuju melantik Encik Azhar bin Abdul Aziz sebagai Ahli Lembaga Pengarah UniMAP mewakili Kementerian Kewangan Malaysia untuk tempoh tiga(3) tahun berkuat kuasa mulai 16 Oktober 2024 hingga 15 Oktober 2027.

Sehubungan itu, Jabatan Pendaftar telah mengadakan Kunjung Hormat dan Sesi Taklimat berkaitan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) kepada Encik Azhar bin Abdul Aziz di Aras 5, Blok Utara, Kementerian Kewangan Malaysia, Putrajaya pada 22 Oktober 2024. Jabatan Pendaftar UniMAP yang diwakili oleh Pn. Hjh. Noor Aziana Iberahim, Pn. Rosmawatie Abd. Latif dan Pn. Liyana Abdul Halim@Selvaratnam turut menyerahkan surat ucapan tahniah daripada Pengerusi LPU.



HARI BERSAMA PELANGGAN JABATAN PENDAFTAR

Program Hari Bersama Pelanggan Jabatan Pendaftar telah diadakan pada 4 Julai 2024 bertempat di Auditorium Canselori Tuanku Syed Sirajuddin. Program ini telah diadakan secara bersemuka dan secara dalam talian. Program ini merupakan satu inisiatif serta medium pendekatan Jabatan Pendaftar dengan semua staf UniMAP dalam usaha memberi maklumat berkaitan sumber manusia secara bersemuka serta membantu menangani permasalahan yang timbul dan penerimaan cadangan/komen untuk penambahbaikan khidmat pengurusan.



Penglibatan daripada agensi luar seperti Tabung Haji, MyCuepacs Care, LHDN, Bank Muamalat, LPPKN dan Klinik Panel – Kualitas Health turut sama memeriahkan Hari Bersama Pelanggan Jabatan Pendaftar dengan membuka Kaunter Khidmat Pelanggan di ruang legar Auditorium Canselori Tuanku Syed Sirajuddin. Klinik Panel-Kualitas Health selaku panel klinik UniMAP telah menawarkan pemeriksaan kesihatan percuma kepada staf berstatus Kontrak yang berumur 40 tahun ke atas di bawah Program Saringan Kesihatan (HSP) dan khidmat nasihat perubatan. Manakala pihak LPPKN turut menawarkan pendaftaran *mammogram* dan *pap smear* bagi pemeriksaan percuma di Kedah Medical Centre (KMC).





Sesi Taklimat Sumber Manusia telah diadakan serta mendapat sambutan yang sangat menggalakkan. Tajuk yang disampaikan semasa taklimat tersebut adalah :

- **Pencen Wajib vs Pencen Pilihan**
Penceramah : Pn. Aznira Abdul Azib
- **Pemberian AWT 90 hari**
Penceramah : Pn. Normiza Mahmud
- **Kemudahan & Kebajikan Staf**
Penceramah : Pn Nur Shafissa Shabudin
- **Ekosistem Sumber Manusia Berasaskan Kompetensi**
Penceramah : YM Raja Shah Erman Raja Arifin

Melalui rekod kehadiran, seramai 485 orang staf telah hadir secara bersemuka dan secara dalam talian ke program ini. Program ini turut diserikan dengan penyampaian cabutan bertuah oleh Prof. Dr. Mohd Mustafa Al Bakri Abdullah, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Cik Norsyahiza Hamzah, Pendaftar dan En. Rusdi Puteh, Bendahari.





PENDIGITALAN & INOVASI

MYPORTFOLIO


Unit Perjawatan dengan kerjasama Pusat Pengurusan & Pembangunan Digital (DMDC) telah berjaya membangunkan satu(1) sistem baharu iaitu myPortfolio bagi pengisian myPortfolio secara dalam talian. Sistem ini ditempatkan di portal *University Staff Information System* (UniSIS) dimana ianya digunakan oleh semua staf yang bertaraf tetap dan kontrak untuk mengemaskini myPortfolio masing-masing bagi menggantikan Fail Meja dan Manual Prosedur Kerja. Sistem ini juga secara langsung menjadi kesinambungan kepada staf dalam menetapkan Sasaran Kerja Utama mereka dalam sistem MyPerformance. Sistem ini telah digunakan sepenuhnya oleh semua staf mulai Disember 2024.



MyCPDP


Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) kali ke-239 BIL.11/2024, telah meluluskan cadangan Program Pembangunan Profesional Individu Secara Berterusan (Individual Continuous Professional Development Program-MyCPDP) Universiti Malaysia Perlis. MyCPDP adalah elemen latihan dan pembangunan diri yang mengiktiraf proses pembelajaran sepanjang hayat untuk membangun dan meningkatkan kompetensi individu yang banyak digunakan oleh badan-badan profesional seluruh dunia untuk tujuan pembangunan dalam profesion tertentu.

MyCPDP merupakan penambahbaikan bagi membangunkan bakat pendekatan baharu iaitu meminda penilaian bilangan hari berkursus ini kepada pelaksanaan penilaian berasaskan mata jam CPD yang lebih mencakupi pelbagai aktiviti seperti seminar/sumbangan/sukan dan lain-lain yang boleh membangunkan profesionalisme secara berterusan (penekanan elemen pembelajaran sepanjang hayat) dan meningkatkan kecemerlangan bakat staf.



SISTEM MYPERFORMANCE

Pada tahun 2024, Pengurusan Universiti telah memutuskan penggunaan pakai modul sistem MyPerformance bagi menggantikan sistem Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) sedia ada. Sistem MyPerformance ini telah dibangunkan dengan kepakaran DMDC dengan menekankan konsep integrasi dengan sistem yang sedia ada termasuk dalam aspek penyelidikan, penerbitan, penyeliaan dan sebagainya. Pelaksanaan modul sistem MyPerformance ini melibatkan semua skim perkhidmatan di UniMAP dan berupaya mempertingkatkan produktiviti dan kaedah penilaian yang lebih telus



KAD STAF

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Ke-224 Bil.10/2023 telah meluluskan cadangan penggunaan Kad Staf UniMAP baharu bagi menggantikan Kad Staf Unidebit Bank Islam. Penggantian Kad Staf Unidebit Bank Islam kepada Kad Staf UniMAP dilaksanakan kerana dapat memberi nilai tambah kepada universiti dari segi pengeluaran yang dapat dilaksanakan sendiri oleh universiti secara lebih efektif dalam jangka masa panjang.

Selari dengan era transformasi digital, kad ini turut dibangunkan secara digital di mana ianya dilengkapi dengan Kod QR untuk tujuan verifikasi maklumat staf secara digital melalui sistem UNISIS UniMAP. Kad ini juga boleh digunakan untuk tujuan verifikasi kelayakan menggunakan perkhidmatan Klinik Panel oleh pihak klinik panel tanpa perlu staf menunjukkan Kad Rawatan Perubatan. Berkuatkuasa mulai 1 Julai 2024, semua staf UniMAP telah menggunakan kad ini sebagai Kad Staf UniMAP yang rasmi.



MODUL e-DASAR

Modul e-Dasar dibangunkan bagi mendokumentasi dokumen-dokumen berhubung dengan Perlembagaan, Akta, Statut, Kaedah, Peraturan, Polisi, Dasar, Pekeliling, Surat Pekeliling, Surat Edaran, Garis Panduan atau arahan-arahan yang berkuat kuasa di UniMAP. Modul ini boleh dicapai melalui portal *University Staff Information System* (UniSIS) UniMAP.

Dokumen-dokumen yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftar, Pejabat Naib Canselor, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Jabatan Bendahari, Pusat Pengurusan & Pembangunan Digital (DMDC), Jabatan Perpustakaan, Pusat Komunikasi Korporat (PKK), Pusat Pengurusan Keselamatan, Kesihatan & Persekitaran Pekerjaan, Pejabat Penasihat Undang-Undang dan Pusat Kesihatan Universiti (PKU) telah dimuat naik oleh penyelaras PTj. masing-masing setelah mendapat kelulusan daripada Lembaga Pengarah Universiti serta Pengurusan Universiti. Modul e-Dasar boleh dilayari sepenuhnya oleh semua staf mulai 1 Ogos 2024.



e-DASAR - JABATAN PENDAFTAR

Pilih kategori:
 Pilih tajuk:

Pilih bilangan:

Show: 10 entries

NO.	TAJUK	JABATAN	KATEGORI	KUANTITI	TARIKH	STATUS	ACTION
1.	PERLEMBAGAN PENDAFTAR BILANGAN 1 TAHUN 2025 - PERUBAHAN PATAH PEMERINTAHAN PERUBAHAN 11 2025	JABATAN PENDAFTAR	PERLEMBAGAN	10	2025	✓	↓
2.	SURAT PERLEMBAGAN PENDAFTAR BILANGAN 2 TAHUN 2025 - 01/25 TANPA PERUBAHAN BELAKANG DENGAN PERUBAHAN	JABATAN PENDAFTAR	PERLEMBAGAN	10	2025	✓	↓

SISTEM eKLINIK PANEL UniMAP

Mulai 1 Januari 2024, UniMAP telah melaksanakan penggunaan sistem eKlinik Panel bagi semua urusan berkaitan perkhidmatan Klinik Panel UniMAP. Staf tidak perlu membawa Kad Rawatan Perubatan kerana semakan kelayakan dan pendaftaran pesakit di bawah tanggungan UniMAP boleh dibuat secara dalam talian. Selain itu, urusan berkaitan tuntutan bil oleh pihak klinik panel juga dapat dilaksanakan dengan lebih cepat dan berkesan melalui sistem ini.

Pada 18 Januari 2024, satu sesi taklimat telah diadakan melibatkan semua pentadbir klinik-klinik panel UniMAP. Taklimat diadakan untuk tujuan demonstrasi dan percubaan menggunakan sistem oleh pentadbir-pentadbir klinik panel secara hands-on. Demonstrasi dan percubaan menggunakan sistem eKlinik Panel dibantu oleh Pegawai-pegawai Teknologi Maklumat, Pusat Pengurusan dan Pembangunan Digital (DMDC). Sesi taklimat ini diadakan di Makmal Komputer, Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra (PTSFP).

Seiring dengan penggunaan sistem eKlinik Panel juga, kaedah *Open Clinic* juga telah dilaksanakan di mana staf boleh mendapatkan rawatan di mana-mana klinik panel UniMAP tanpa perlu memilih empat(4) buah klinik pilihan seperti pelaksanaan sebelum ini.






PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

STATISTIK STAF UniMAP SEHINGGA 31 DISEMBER 2024

Sehingga 31 Disember 2024, jumlah pengisian jawatan di Universiti Malaysia Perlis adalah sebanyak 2,091 jawatan bertaraf tetap, kontrak, sambilan, kunjungan dan karyawan tamu. Daripada jumlah tersebut, 1,118 jawatan adalah bagi Kumpulan Pengurusan Dan Profesional (Akademik), 221 jawatan bagi Kumpulan Pengurusan Dan Profesional (Pentadbiran) dan 752 jawatan bagi Kumpulan Pelaksana.



PELANTIKAN STAF

Pengisian jawatan bertaraf tetap mengikut waran perjawatan adalah sebanyak 1,799 jawatan. Pengisian jawatan baharu dan pengisian semula jawatan-jawatan yang dikosongkan bertaraf tetap pada tahun 2024 melibatkan 61 jawatan yang terdiri daripada 11 jawatan Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Akademik), 13 jawatan bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Pentadbiran) dan 37 jawatan bagi Kumpulan Pelaksana. Manakala bilangan keseluruhan pengisian baharu jawatan bertaraf kontrak sehingga 31 Disember 2024 adalah 15 jawatan dan satu(1) jawatan bagi Guru Bahasa bertaraf sambilan.


Universiti mensasarkan peningkatan jumlah staf antarabangsa yang berkhidmat di universiti ini. Jumlah semasa staf antarabangsa yang sedang berkhidmat adalah seramai 10 orang terdiri daripada lapan(8) orang Pensyarah Universiti, seorang(1) Guru Bahasa, dan seorang(1) Pegawai Pergigian dari pelbagai negara.

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

Pada tahun 2024 seramai 35 orang staf telah disahkan dalam perkhidmatan mengikut kumpulan perkhidmatan yang terdiri daripada 25 orang staf Kumpulan Pengurusan & Profesional (Akademik), enam(6) staf Kumpulan Pengurusan & Profesional (Pentadbiran) dan empat(4) orang staf Kumpulan Pelaksana.


PEMBERIAN TARAF BERPENECEN

Pemberian Taraf berpenecen pada tahun 2024 melibatkan 71 staf yang terdiri daripada 33 staf bagi kumpulan Pengurusan dan Profesional (Akademik), lima(5) staf bagi kumpulan Pengurusan dan Profesional (Pentadbiran) dan 33 staf bagi Kumpulan Pelaksana.



PERISYTIHARAN HARTA


Secara keseluruhannya, pada tahun 2024 seramai 111 orang pegawai telah membuat perisytiharan harta kali pertama, perisytiharan harta kali kedua, perisytiharan pelupusan harta dan perisytiharan tiada perubahan harta



KENAIKAN PANGKAT

Pada tahun 2024, Jawatankuasa Pemilihan telah memperakukan seramai 108 Staf UniMAP bagi tujuan kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi. Jumlah tersebut merangkumi dua(2) Staf Kumpulan Pengurusan Tertinggi, 92 Staf Kumpulan Pengurusan & Profesional (Akademik), 10 Staf Kumpulan Pengurusan & Profesional (Pentadbiran) dan 4 Staf Kumpulan Pelaksana.


Kumpulan Pelaksana



Kumpulan Pengurusan & Profesional (Pentadbiran)



Kumpulan Pengurusan & Profesional /Tertinggi (Akademik)



KURSUS PRA PERSARAAN

Unit Rekod dan Pasca Perkhidmatan (URPP) telah menganjurkan Kursus Pra Persaraan yang berlangsung di Hotel Savana, Kuala Perlis pada 7 hingga 8 Ogos 2024. Kursus ini disasarkan kepada staf yang bakal bersara dalam tempoh tiga(3) tahun dari tarikh persaraan. Di dalam kursus ini, 24 orang bakal pesara telah diberikan pendedahan mengenai perkara-perkara berkaitan faedah persaraan serta persediaan untuk menempuh alam persaraan. Penceramah jemputan dari dalam dan luar UniMAP telah menyampaikan perkongsian bagi enam(6) slot yang meliputi:

- **Slot 1, 2 & 3** - Isu Semasa Pencen & Faedah Persaraan serta Pengurusan Hutang Kerajaan, Faedah Terbitan dan Aplikasi MyPesara & Pengurusan Dokumentasi Persaraan yang disampaikan oleh Encik Mohd Adib bin Abdul Aziz, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pencen, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA);
- **Slot 4** - Persediaan Psikologi untuk Menempuh Persaraan oleh Puan Nur Aimi binti Muslim dari Pusat Kaunseling UniMAP dan Penjagaan Kesihatan di Usia Emas oleh Dr. Faizah binti Othman dari Pusat Kesihatan Universiti;
- **Slot 5** - Pengurusan Harta Pusaka & Faraid oleh Ustaz Mohd Fikri Aiman bin Mohd Zulkefli dari Fakulti Perniagaan & Komunikasi; dan
- **Slot 6** - Cabaran Pengurusan Kewangan selepas Persaraan oleh Encik Mohd Faizal bin Mohd Salleh, Ketua Cawangan Alor Setar Agensi Kaunseling & Pengurusan Kredit (AKPK).





PERSARAAN STAF (WAJIB)



*Setinggi-tinggi Penghargaan
& Terima Kasih*

DR. ABDUL JALIL BIN RAMLI
PENSYARAH UNIVERSITI GRED DS54
(PROFRSOR MADYA)
TARIKH BERSARA WAJIB : 24.07.2024



*Setinggi-tinggi Penghargaan
& Terima Kasih*

ENCIK MOHD. ANUAR BIN MAT
PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL
GRED DV52
TARIKH BERSARA WAJIB : 07.08.2024



*Setinggi-tinggi Penghargaan
& Terima Kasih*

IR. DR. ROSNAZRI BIN ALI
PENSYARAH UNIVERSITI GRED DS54
(PROFRSOR MADYA)
TARIKH BERSARA WAJIB : 09.08.2024



*Setinggi-tinggi Penghargaan
& Terima Kasih*


ENCIK YAHAYA BIN MAT ALI
PEMANDU KENDERAAN
GRED H11
TARIKH BERSARA WAJIB : 30.10.2024

PERSARAAN STAF (PILIHAN)




PERMOHONAN LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM (LPPSA)

Secara keseluruhannya pada tahun 2024, seramai 33 yang terdiri daripada 20 Staf Pengurusan dan Profesional (Akademik), tiga(3) Pengurusan dan Profesional (Pentadbiran) dan 10 Staf kumpulan Pelaksana telah membuat permohonan Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA).




PERMOHONAN PEKERJAAN LUAR

Peraturan menjalankan Pekerjaan Luar bagi staf UniMAP dilaksanakan berdasarkan Pekeliling Jabatan Pendaftar Bilangan 1 Tahun 2011 mengikut Peraturan 4, Bahagian II, Jadual Kedua (Seksyen 5), Akta Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605]. Pecahan kumpulan staf yang telah diluluskan menjalankan Pekerjaan Luar oleh Pengurusan Universiti pada tahun 2024 adalah seperti berikut :-



LAPORAN KETERHUTANGAN YANG SERIUS

Jabatan Pendaftar dari semasa ke semasa telah menghantar laporan masalah keberhutangan staf kepada Pejabat Penasihat Undang-undang Dan Integriti untuk membuat penelitian dan pemantauan di peringkat universiti. Laporan keterhutangan kewangan melebihi 60% di UniMAP yang direkodkan adalah seramai 57 orang yang merangkumi pecahan seperti berikut:



ELAUN PERPINDAHAN RUMAH


Perbelanjaan melibatkan Elaun Perpindahan Rumah yang telah diproses pembayaran kepada staf yang membuat permohonan tuntutan adalah sebanyak RM3,821.00 yang melibatkan lima(5) orang staf.

STATISTIK PERJALANAN KE LUAR NEGARA STAF BAGI TUJUAN URUSAN RASMI

Pada tahun 2024, seramai 28 orang staf UniMAP telah mendapat kelulusan membuat perjalanan melalui sistem e-OTR melibatkan 14 buah negara dengan menggunakan sumber Kerajaan. Manakala seramai 370 orang staf UniMAP telah membuat perjalanan ke 26 buah negara menggunakan selain sumber Kerajaan iaitu sumber dalaman, melalui penajaan dan menggunakan sumber persendirian.

Bagi permohonan perjalanan ke luar negara yang menggunakan Sumber Kerajaan, staf perlu mendapat kelulusan KSU KPT melalui sistem e-OTR, KPT dalam tempoh tiga puluh(30) hari sebelum tarikh jangkaan staf berlepas yang diuruskan oleh Jabatan Pendaftar. Manakala permohonan perjalanan ke luar negara yang menggunakan selain Sumber Kerajaan perlu mendapat kelulusan Naib Canselor melalui Jabatan Pendaftar.

Sumber Kerajaan




Bukan Sumber Kerajaan




PEMBEKALAN PAKAIAN SERAGAM

Pembekalan pakaian seragam adalah kemudahan yang diberikan oleh UniMAP kepada staf yang berkecualan bagi memastikan keseragaman dan mencerminkan imej korporat universiti. Mesyuarat JKPU Kali Ke-225 Bil.11/2023 telah meluluskan pembekalan pakaian seragam kepada 349 orang staf yang berkecualan bagi tahun 2024, berdasarkan keperluan tugas dan klasifikasi skim perkhidmatan mereka.




ELAUN PAKAIAN PANAS

Perbelanjaan melibatkan Elaun Pakaian Panas yang telah diproses pembayaran kepada staf yang membuat permohonan tuntutan adalah sebanyak RM61,500.00. Bilangan staf yang telah membuat tuntutan mengikut kumpulan perkhidmatan adalah seperti berikut:



TAMBANG MENGUNJUNGI WILAYAH ASAL

Perbelanjaan melibatkan Tambang Mengunjungi Wilayah Asal yang telah diproses pembayaran kepada staf yang membuat permohonan tuntutan adalah sebanyak RM43,670.36. Bilangan staf yang telah membuat tuntutan mengikut kumpulan perkhidmatan adalah seperti berikut:



PERBELANJAAN PERKHIDMATAN PERUBATAN

Universiti telah menyalurkan peruntukan berjumlah RM1,200,000.00 untuk perbelanjaan perkhidmatan perubatan kepada staf, pesara dan juga tanggungan bagi tahun 2024. Namun peruntukan yang disediakan pihak universiti tidak mencukupi kerana berlaku peningkatan dalam perbelanjaan perubatan. Oleh itu, universiti telah meluluskan peruntukan tambahan berjumlah RM350,000.00 bagi melaksanakan perbelanjaan November sehingga Disember 2024.

Perbelanjaan keseluruhan bagi perkhidmatan perubatan pada tahun 2024 adalah berjumlah RM1,541,440.40. Rujuk jadual di bawah untuk perincian perbelanjaan perubatan yang terlibat bagi tahun 2024.



JENIS PERBELANJAAN	JUMLAH
Perbelanjaan Rawatan Klinik Panel & Bayaran Balik Pembelian Cermin Mata • Perubatan : RM668,505.00 • Pergigian : RM92,149.00 • Cermin Mata : RM20,150.00	RM781,164.00
Perbelanjaan Rawatan Dialisis • 2 orang staf : RM92,720.00 • 1 orang pesara : RM32,930.00 • 2 orang pasangan : RM44,400.00 • 5 orang ibu/bapa : RM143,550.00	RM313,605.00
Perbelanjaan Bayaran Bil Hospital Menggunakan Surat Jaminan (GL) UniMAP	RM122,417.30
Rawatan di Institut Jantung Negara Sdn. Bhd. (IJNSB) • 1 orang staf : RM336.50 • 3 orang pesara : RM89,055.10 • 1 orang tanggungan : RM30,651.50	RM120,043.10
Perbelanjaan Kemudahan Perubatan melibatkan alat, ubat-ubatan dan lain-lain perkhidmatan perubatan • 30 orang staf : RM110,403.90 • 25 orang tanggungan : RM71,153.30	RM181,557.20
Tuntutan Perbatuan dan Elaun (Bagi Tujuan Mendapatkan Rawatan Perubatan di Luar Stesen) • 5 orang staf : RM6,170.56 • 5 orang tanggungan : RM14,522.24	RM20,692.80
Lain-lain Tuntutan Perubatan	RM1,961.00
JUMLAH KESELURUHAN PERBELANJAAN 2024	RM1,541,440.40

TABUNG KEBAJIKAN STAF UniMAP

Sejak ditubuhkan pada 1 April 2022, pada setiap tahun sumbangan dari segi kewangan telah disalurkan kepada staf dan ahli keluarga yang berkecukupan. Sumbangan-sumbangan ini bertujuan bagi membantu meringankan kesulitan dihadapi staf. Pada tahun 2024, Mesyuarat Jawatankuasa Pentadbir Tabung Kebajikan Staf yang diadakan pada setiap dua(2) bulan, telah meluluskan sumbangan-sumbangan kepada staf dan ahli keluarga berjumlah RM96,000.00. Maklumat sumbangan adalah seperti berikut:

Jawatankuasa Pentadbir Tabung Kebajikan Staf UniMAP Ke-10 Bil. 1/2024

Khairat Kematian:

- 3 kematian staf : RM15,000.00
- 7 kematian ibu/bapa : RM3,500.00

Dermasiswa Pendidikan:

- 3 Program Sarjana Muda : RM1,500.00
- 1 Program Diploma : RM300.00

Bantuan Prihatin

- 5 orang Penerima : RM1,000.00

Manfaat Kematian Skim Takaful Hayat Berkelompok Staf

- 1 orang Penerima : RM10,000.00

Jawatankuasa Pentadbir Tabung Kebajikan Staf UniMAP Ke-11 Bil. 2/2024

Khairat Kematian:

- 2 kematian staf : RM10,000.00
- 12 kematian ibu/bapa : RM6,000.00

Dermasiswa Pendidikan:

- 3 Program Sarjana Muda : RM1,500.00
- 1 Program Diploma : RM300.00

Bantuan Prihatin

- 1 orang Penerima : RM200.00

Bantuan Bencana Alam & Kebakaran

- 1 orang Penerima : RM500.00

Jawatankuasa Pentadbir Tabung Kebajikan Staf UniMAP Ke-12 Bil. 3/2024

Khairat Kematian:

- 9 kematian ibu/bapa : RM4,500.00

Bantuan Prihatin

- 1 orang Penerima : RM200.00

Bantuan Khas

- 2 orang Penerima : RM4,000.00

Jawatankuasa Pentadbir Tabung Kebajikan Staf UniMAP Ke-13 Bil. 4/2024

Khairat Kematian:

- 1 kematian staf : RM2,000.00
- 13 kematian ibu/bapa : RM6,500.00

Dermasiswa Pendidikan:

- 1 Program Sarjana Muda : RM500.00
- 12 Program Diploma : RM3,600.00

Bantuan Prihatin

- 1 orang Penerima : RM200.00

Bantuan Khas

- 1 orang Penerima : RM200.00

Jawatankuasa Pentadbir Tabung Kebajikan Staf UniMAP Ke-14 Bil. 5/2024

Khairat Kematian:

- 1 kematian staf : RM5,000.00
- 2 kematian pasangan : RM4,000.00
- 13 kematian ibu/bapa : RM6,500.00

Dermasiswa Pendidikan

- 20 Program Sarjana Muda : RM10,000.00
- 3 Program Diploma : RM900.00

Bantuan Prihatin

- 6 orang Penerima : RM 1,200.00

Bantuan Bencana Alam & Kebakaran

- 2 orang Penerima : RM 1,500.00



MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)

Majlis Bersama Jabatan (MBJ) adalah landasan bagi saluran dua(2) hala antara pihak pekerja dan pihak pengurusan untuk berkomunikasi dalam menyuarakan pendapat, pandangan serta menyumbang idea demi kepentingan dan kebaikan sesuatu organisasi. MBJ dilaksanakan tiga(3) kali setahun, iaitu sekali dalam tempoh empat(4) bulan dan pada tahun 2024.

Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Kali Ke-39 Bil. 1/2024

- Cadangan mengguna pakai Pekeliling WP1.4 Kadar dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan dan Bayaran Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Kerana Menjalankan Tugas Rasmi - 5.10 Elaun Basikal dan Elaun Motosikal).
- **Keputusan:** Pihak Pekerja menarik balik usul ini kerana berdasarkan perbincangan dan persetujuan bersama staf terlibat, mendapati kaedah tuntutan sedia ada iaitu Tuntutan Elaun Perjalanan Kenderaan adalah lebih relevan dan terbaik.

Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Kali Ke-40 Bil. 2/2024

- Cadangan mewujudkan platform perisian secara berpusat (Software Centre) yang diletakkan di bawah kawalan pihak Pusat Pengurusan & Pembangunan Digital (DMDC).
- **Keputusan:** Pihak Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) telah menyelaraskan perbincangan dengan DMDC dan fakulti-fakulti bagi mengenalpasti perisian-perisian yang boleh diguna sama dan rancangan pelaksanaan adalah pada tahun 2025
- Cadangan penyediaan kawasan parkir berpusat khas bagi kenderaan pelajar.
- **Keputusan:** Pada masa ini pihak Jabatan Keselamatan (JKES) dan Jabatan Pembangunan (JP) telah melaksanakan tindakan awal. JKES telah menguatkuasakan penggunaan pelekat kenderaan manakala JP pula telah mengadakan perbincangan dengan jabatan-jabatan yang berkaitan bagi merancang pelaksanaan tindakan-tindakan penambahbaikan yang dijangka dilaksanakan pada tahun 2025.



- Cadangan penyelenggaraan jalan berlubang/berlokap sekitar kampus UniMAP, penyelenggaraan pokok-pokok rimbun dan penambahbaikan papan tanda jalan.
- **Keputusan:** Isu penyelenggaraan jalan berlubang dan pokok-pokok rimbun telah diselesaikan oleh JP. Bagi penambahbaikan papan tanda jalan, JKES dan JP telah berbincang dan tindakan dijangka akan dilaksanakan tahun 2025 berdasarkan peruntukan yang diluluskan.
- Cadangan pelaksanaan dasar Khas Untuk Penyandang (KUP) bagi kumpulan Pengurusan & Profesional (P&P).
- **Keputusan:** Pihak Pekerja mengambil maklum penerangan daripada Pihak Pengurusan bahawa jawatan KUP yang ingin diberikan kepada staf perlu dibuat melalui JPA dan diberikan bersama dengan waran. Pada kebiasaannya, KUP hanya diberikan kepada pegawai yang akan berpencen dan tiada jawatan di gred kenaikan pangkat. Walau bagaimanapun, terdapat UA yang memberi jawatan kenaikan pangkat secara KUP Dalam kepada staf, namun UA yang melaksanakannya perlu menggunakan sumber dalaman universiti. Hal ini memerlukan penelitian terperinci dan kajian yang lebih mendalam untuk dilaksanakan kerana melibatkan penggunaan sumber dalaman yang pada ketika ini sebahagian besar sumber dalaman UniMAP hanyalah daripada yuran pelajar dan turut digunakan untuk menampung keperluan-keperluan lain oleh universiti.





Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Kali Ke-41 Bil. 3/2024

- Cadangan Hari Bersama Pelanggan oleh jabatan-jabatan yang memberi perkhidmatan kepada staf.
- **Keputusan:** Pihak Pengurusan menyambut baik cadangan ini dan bersetuju supaya Jabatan Pendaftar menyelaraskan satu program Hari Bersama Pelanggan pada tahun 2025 yang diadakan secara bersama oleh Jabatan Pendaftar, Jabatan Bendahari, Pejabat Penasihat Undang-Undang dan juga Jabatan Keselamatan.
- Penjelasan Pihak Pengurusan mengenai kebenaran menggunakan Pintu B sebagai laluan harian staf.
- **Keputusan:** Pihak Pekerja mengambil maklum bahawa penggunaan Pintu B secara harian tidak dibenarkan atas faktor-faktor keselamatan di mana laluan tersebut menghubungkan terus kenderaan dari dalam kampus ke lebuh raya dan hal ini berisiko menyebabkan kemalangan. Pintu B hanya dibenarkan kegunaannya kepada kenderaan berat yang terlibat dengan projek-projek pembinaan dan semasa acara-acara besar universiti kerana pada ketika ini terdapat kawalan lalulintas disediakan.



NAZIRAN PERJAWATAN

Dalam usaha melestarikan tadbir urus dan gerak kerja ke arah penyampaian perkhidmatan berkualiti, Jabatan Pendaftar telah melaksanakan Naziran Perjawatan bagi tiga(3) buah Pusat Tanggungjawab(PTj) di bawah portfolio Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) seperti berikut:

- Pusat Kokurikulum : 11 Julai 2024
- Pusat Perumahan Pelajar : 15 Julai 2024
- Pusat Kebolehpasaran Graduan & Keusahawanan : 17 Julai 2024



Ahli Jawatankuasa Naziran Perjawatan dilantik dalam kalangan Timbalan-Timbalan Pendaftar Kanan dan Timbalan-Timbalan Pendaftar UniMAP. Naziran perjawatan dilaksanakan bagi mengukur, menilai dan mengenalpasti penggunaan tenaga manusia yang optimum agar Pusat Tanggungjawab (PTj) dapat berfungsi dengan lebih efisien.

Pelaksanaan naziran perjawatan oleh Jabatan Pendaftar juga dapat mengenalpasti sama ada PTj mematuhi dan melaksanakan fungsinya secara optimum dan mengikut peraturan dan prosedur yang berkaitan di samping memastikan penggunaan sumber tenaga manusia sesuai dengan fungsinya dan deskripsi tugas masing-masing mengikut fungsi PTj.



PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA & PENGUKUHAN BAKAT

PROGRAM PEMERKASAAN BAKAT KEPIMPINAN UNIVERSITI


Pengurusan universiti telah meluluskan pelaksanaan dan peruntukan sebanyak RM76,793.40 merangkumi Peruntukan Latihan, Peruntukan Jabatan Pendaftar, Peruntukan UniMAP 2025 dan Peruntukan Kawalan Naib Canselor dalam memperkasa Bakat Kepimpinan Universiti bagi melahirkan kelompok kepimpinan yang berdaya saing dan kompeten. Pembangunan kelompok kepimpinan melalui sistem Unitalent dilaksanakan secara berfasa. Sistem ini telah mencapai pembangunan sebanyak 50% dan Pembangunan Profiling Kepimpinan telah mula dilaksanakan dan terkini mencapai 25%.

UniLEADPro

Kelompok bakat yang telah dikenalpasti dilatih dan diperkasakan bakat mereka melalui program-program yang berjadual dan berfasa di bawah UniMAP Leadership Programme (UniLEADPro). Setiap staf yang telah dikenalpasti dalam kelompok bakat ini perlu melalui empat(4) Program Pembangunan Kepimpinan UniMAP di bawah Teras Kecemerlangan Bakat UniMAP 2025. Fasa-fasa telah dirangka secara sistematik bermula tahun 2021 yang berteraskan kepada lapan(8) Kompetensi Kepimpinan universiti.

Program Latihan Kepimpinan sepanjang tahun 2024 menumpukan pelaksanaan Latihan Kepimpinan Dalamannya yang berstruktur iaitu Program Kepimpinan UniLEADPro bagi fasa ketiga dan keempat berteraskan kompetensi. Program ini dikenali sebagai *Institutional Development Programme* (IDP Siri ke 3/ Fasa 3) dan *Individual Assessment Programme* (IAP) (Modul 1 & 2/ Fasa 4) melalui Mini Kolokium Amalan Terbaik Kepimpinan.

BATCH	JUMLAH PESERTA	PROGRAM YANG TELAH DIIKUTI
Batch 1 (2021-2024)	184	- Tahap 1 & 2 (LTS dan UEP) (184 orang) - Tahap 3 Program IDP (100 orang) - Tahap 4 Program IAP (100 orang) Modul 1 & 2 - Mini Kolokium Modul 2 dan 3 - Akan dijalankan tahun 2025
Batch 2 (2023)	123	- Tahap 1-2 (LTS dan UEP) - Tahap 3 & Tahap 4 - Bakal dijalankan
307 KELOMPOK BAKAT KEPIMPINAN UNIMAP		



Berikut adalah program-program kepimpinan berfasa/perkongsian ilmu dan aktiviti dalaman melibatkan pelan penggantian sepanjang tahun 2024

Institutional Development Programme (IDP Siri 3)

Tarikh : 9-11 Jun 2024

Tempat : The Jerai Hill Resort, Kedah

Bilangan Peserta: 32 orang (Akademik dan Pentadbiran)



Mini Kolokium Amalan Terbaik Kepimpinan Bagi Fasa 4 *Individual Assessment Programme (IAP)*

Tarikh: 17 Disember 2024

Tempat: Auditorium Canselori Tuanku Syed Sirajuddin

Bilangan peserta: 99 peserta (Akademik dan Pentadbiran)



PROGRAM ANJURAN AKEPT

Program kepimpinan daripada pihak luar dan AKEPT turut sama menyumbang kepada pemeraksanaan bakat kepimpinan universiti. Antara program anjuran luar/AKEPT adalah lapan(8) program kepimpinan yang terdiri daripada 17 program/siri/aktiviti yang berstruktur

BIL	PROGRAM DAN AKTIVITI
1	Sesi Libat Urus AKEPT-PKPK (Program Kerangka Penilaian Keberkesanan Latihan Bersama) Unit Latihan/ Unit Pengurusan Bakat Universiti Awam 2024 Tarikh: 4 April 2024 Tempat: Tenera Hotel Bangi Nama peserta yang terlibat: • YM Raja Shah Erman Raja Arifin
2	Changemaker Leadership Programme For Senior Administrator (CLAPSA) Kohot 2 Siri 1 15 - 17 Mei 2024 (AKEPT) Siri 2 18 – 20 Okt 2024 (Holiday Inn Sepang) Nama peserta yang terlibat: • Pn. Rohazna Wahab





BIL	PROGRAM DAN AKTIVITI
	Program Kepimpinan Institusi AKEPT Tahun 2024 sepanjang Jun hingga Oktober 2024 (10 Modul) i) Dasar Negara & Pengajian Tinggi. Tarikh: 1-3 Ogos 2024 / Tempat: AKEPT Nama peserta yang terlibat: • Prof. Madya Ts. Dr. Nasrul Bin Hamidin • Puan Noor Aziana Binti Iberahim • Prof. Madya Dr. Mohd Najmuddin Mohd. Hassan ii) Kepimpinan Organisasi Tarikh: 6 – 8 Ogos 2024 / Tempat: AKEPT Nama peserta yang terlibat: • Puan Aiza Binti Jasmi • Prof. Madya Ts. Dr. Muhammad Juhairi Aziz Bin Safar • Dr. Nur Liza Binti Rahim iii) Pengurusan Universiti. Tarikh: 9 – 11 September 2024 / Tempat: UTM Hotel & Residence 3 Nama peserta yang terlibat: • Pn. Norain Rusyilawati Bt Aziz • Prof. Madya Ir. Dr. Khairul Salleh Bin Basaruddin • Prof. Madya Ir. Ts. Dr. Mohamad Syahmie Bin Mohamad Rasihidi iv) Perancangan Strategik Tarikh: 15 – 17 Oktober 2024 / Tempat: UTM Hotel & Residence Nama peserta yang terlibat: • Puan Noor Aziana Binti Iberahim • Prof. Dr. Khairul Azwan Bin Ismail • Prof. Madya Ts. Dr. Tan Chye Lih v) Kemampanan Kewangan. Tarikh: 5 – 7 November 2024 Tempat: . UTM Hotel & Residence Nama peserta yang terlibat: • Cik Intan Syarmiza Bt Ab Rahman • Prof. Madya Ts. Dr. Faizah Abu Bakar • Prof. Madya Ts. Dr. Nasrul Bin Hamidin

BIL	PROGRAM DAN AKTIVITI
4	Program Kepimpinan Instruksional AKEPT Tahun 2024 sepanjang Mei hingga Ogos 2024 (8 Modul) i) <i>Disruptive Digital Leadership</i> Tarikh: 22 - 24 Julai 2024./ Tempat : AKEPT Nama peserta yang terlibat: • Prof. Madya Ts. Dr. Nasrul Bin Hamidin • Prof. Madya Ts. Dr. Wan Zuki Azman Bin Wan Muhamad ii) <i>Transformative Curriculum Development & Management</i> Tarikh: 26 - 28 Ogos 2024 / Tempat: AKEPT Nama peserta yang terlibat: • Prof. Madya Ts. Dr. Muhammad Juhairi Aziz Bin Safar • Prof. Madya Ir. Dr. Khairul Salleh Bin Basaruddin iii) <i>Assessment Towards Student Learning in Higher Education</i> Tarikh : 24 - 26 September 2024/Tempat: UTM Hotel & Residence Nama peserta yang terlibat: • Prof. Madya Ir. Ts. Dr. Mohamad Syahmie Bin Mohamad Rasihidi • Prof. Madya Ts. Dr. Ayu Wazira Binti Azhari iv) <i>Learning and Teaching in Higher Education</i> Tarikh: Sesi 1: 26 - 28 Mei 2024 / Tempat: AKEPT Nama peserta yang terlibat: • Prof. Madya Dr. Baharuddin Ismail Tarikh: Sesi 2: 5 - 7 Jun 2024 / Tempat: AKEPT Nama peserta yang terlibat: • Prof. Madya Dr. Shuhaida Yahud

BIL	PROGRAM DAN AKTIVITI
5	Program Leadership Development Needs Analysis (LeadDNA) 2024 i) Tarikh: Siri 2 :25 – 27 April 2024 / Tempat: AKEPT Nama peserta yang terlibat: • En Mustaffa Bin Ismail ii) Tarikh: Siri 3 :25 – 27 Julai 2024 / Tempat: AKEPT Nama peserta yang terlibat: • Prof. Madya Ir Ts Dr Tiang Tow Leong • Prof. Madya Ts Dr Akmal Hadi Ma'radzi • Pn Noor Aziana Iberahim
6	Program Kepimpinan Muda Kebangsaan (KARISMA): Pemikir Malaysia Tarikh : 11 Jun 2024 / Tempat : AKEPT Nama peserta yang terlibat • Dr. Ahmad Shakaff Bin Ali Yeon (FKTE) • Dr. Surentiran A/L Padmanathan (FKTEN) • Dr. Mohd Hanif Bin Mohd Pisal (FKTK) • Dr. Amalina Binti Muhayudin (FKTM) • Dr. Nazifah Binti Hamidun (FPK) • Dr. Iszaidy Bin Ismail (FKTEN) • Dr. Flora Somidin (FKTK)
7	Program Kepimpinan Muda Kebangsaan (KARISMA): Pemikir Malaysia Tarikh: 19 September 2024 Tempat: Kementerian Pendidikan Tinggi, Putrajaya Nama peserta yang terlibat • Dr. Azisyahirah Binti Azizan • Dr. Hazirah Binti Pangeran • Dr. Muhammad Nazrin Bin Shahrol Aman • Dr. Shafawaty Binti Mohamad Shabri • Dr. Vijayasarveswari A/P Veeraperumal
8	Program Penilaian Kompetensi Kepimpinan Pendidikan Tinggi, AKEPT Tarikh : 24 Julai 2024 • Prof. Madya Ts Dr Wan Zuki Azman Wn Muhamad Tarikh: 16 Ogos 2024 • Prof. Dr. Khairul Azwan Ismail

PELAKSANAAN PROGRAM LATIHAN

Pelaksanaan latihan di bawah Unit Latihan & Pengukuhan Bakat (ULPB) dilaksanakan untuk memenuhi keperluan dan kemahiran staf bagi tujuan kemajuan kerjaya dan peningkatan kompetensi. Pengurusan universiti telah meluluskan peruntukan kewangan sebanyak RM200,000.00 untuk penganjuran latihan dibawah Peruntukan Pusat Jabatan Pendaftar Vot 01- 3102-29000-04 – Latihan. Unit Latihan & Pengukuhan Bakat juga bertanggungjawab menyalurkan peruntukan latihan kepada PTj bagi kursus anjuran bersama. Selain itu, unit ini juga bertanggungjawab mengurus dan menyelaraskan peruntukan kepada staf yang menghadiri kursus anjuran organisasi luar.

Program latihan sepanjang 2024 menumpukan kepada isu pembentukan dan peningkatan ilmu pengetahuan berteraskan kompetensi yang ditetapkan untuk melahirkan staf UniMAP yang lebih kompeten. Sebanyak 553 program dan latihan telah dilaksanakan sepanjang 2024. Daripada keseluruhan kursus tersebut, sebanyak 89 kursus telah menggunakan VOT latihan Jabatan Pendaftar dan 464 kursus (diiktiraf hari berkursus) melalui penyertaan luar atau anjuran PTj UniMAP.

BIL	KATEGORI	BILANGAN KURSUS
1	Kursus Anjuran Dalaman	23
2	Kursus Anjuran Kerjasama	9
3	Kursus Anjuran Luar	29
4	UniLEADPro	1
5	AKEPT	8
6	Kursus Anjuran LEAD	18
7	UniMAP 2025	1
8	Program Diiktiraf Hari Berkursus	464
JUMLAH		553

KURSUS ANJURAN DALAMAN

Teaming With Passion Kumpulan Pentadbir

Tarikh : 27-30 April 2024

Bil Peserta : 47

Kursus Pra Persaraan Unimap 2024

Tarikh : 7-8 Ogos 2024

Bilangan Peserta : 54

Sesi Khas Pelan Tindakan Teaming With Passion Kumpulan Pentadbir Siri 1 2023 Dan Siri 2 2024

Tarikh : 21 Mei 2024

Bilangan Peserta : 50

Program Transformasi Minda 2024

Tarikh : 29 Julai - 2 Ogos 2024

Bilangan Peserta : 39

Kursus Pengenalan ChatGPT (Ai)

Tarikh : 6 Ogos 2024

Bilangan Peserta : 32

Kursus Penulisan Minit Mesyuarat

Tarikh : 8 Ogos 2024

Bilangan Peserta : 91

Kursus Penyelesaian Masalah & Pembuatan Keputusan

Tarikh : 13 Ogos 2024

Bilangan Peserta : 45

Kursus Etika Profesional & Integriti

Tarikh : 15 Ogos 2024

Bilangan Peserta : 45

Kursus Berminda Keusahawanan

Tarikh : 4 September 2024

Bilangan Peserta : 58

Mengetahui dan mampu mengaplikasikan tugas berkaitan Hal Ehwal Pentadbiran Am

Tarikh : 19 Ogos 2024
Bilangan Peserta : 161

Mengetahui dan mampu mengaplikasikan tugas berkaitan Hal Ehwal Kewangan

Tarikh : 19 Ogos 2024
Bilangan Peserta : 150

Mengetahui dan mampu mengaplikasikan tugas berkaitan Hal Ehwal Sumber Manusia

Tarikh : 19 Ogos 2024
Bilangan Peserta : 150

Mengetahui dan mampu mengaplikasikan tugas berkaitan Hal Ehwal Pelajar & Alumni

Tarikh : 19 Ogos 2024
Bilangan Peserta : 150

Mengetahui dan mampu mengaplikasikan tugas berkaitan Hal Ehwal Pengurusan Kualiti Data

Tarikh : 19 Ogos 2024
Bilangan Peserta : 150

Mengetahui dan mampu mengaplikasikan tugas berkaitan Hal Ehwal Governance

Tarikh : 19 Ogos 2024
Bilangan Peserta : 150

Mengetahui dan mampu mengaplikasikan tugas berkaitan Hal Ehwal Integriti dan Perundangan

Tarikh : 19 Ogos 2024
Bilangan Peserta : 150

Mengetahui dan mampu mengaplikasikan tugas berkaitan Hal Ehwal Pengurusan Acara

Tarikh : 19 Ogos 2024
Bilangan Peserta : 150

**Mengetahui dan mampu mengaplikasikan tugas berkaitan Hal Ehwal
Pengurusan Projek Pembangunan**

Tarikh : 19 Ogos 2024

Bilangan Peserta : 150

Kursus Asas Google Site – JKSMUA

Tarikh : 25 Julai 2024

Bilangan Peserta : 220

Sesi Townhall MyCPDP (Staf Akademik)

Tarikh : 20 Ogos 2024

Bilangan Peserta : 249

Sesi Townhall MyCPDP (Staf Pentadbir)

Tarikh : 21 Ogos 2024

Bilangan Peserta : 119

Sesi Townhall MyCPDP (Staf Pelaksana)

Tarikh : 22 Ogos 2024

Bilangan Peserta : 313

Teaming With Passion Pelaksana

Tarikh : 17 November 2024

Bilangan Peserta : 60





KURSUS ANJURAN KERJASAMA PTJ/PERSATUAN

Pusat Kesihatan Universiti

Jumlah Peruntukan : RM1,892.00

Pusat Kaunseling

Jumlah Peruntukan : RM3,680.00

Pejabat Penasihat Undang-Undang & Integriti (pencetakan)

Jumlah Peruntukan : RM3,250.00

Pusat Komunikasi Korporat

Jumlah Peruntukan : RM7,000.00

Pusat Pengurusan Tenaga dan Kampus Lestari

Jumlah Peruntukan : RM520.00

Jabatan Pendaftar

Jumlah Peruntukan : RM400.00

Pusat Pengurusan Keselamatan, Kesihatan dan Persekitaran Pekerjaan

Jumlah Peruntukan : RM240.00

Pusat Pembangunan Kepimpinan Pendidikan Lestari (LEAD)

Jumlah Peruntukan : RM17,400.00

Persatuan Pegawai Tadbir & Ikhtisas

Jumlah Peruntukan : RM4,000





KURSUS ANJURAN LUAR

National Laboratory Innovation Seminar (NALIS 2024)

Anjuran : Pusat Perkhidmatan Penyelidikan dan Lapangan (PPPL), Universiti Malaysia Terengganu (UMT)

Tarikh : 6-7 Mei 2024

Peserta : Fatin Nabilah binti Azis

Bengkel Pemantapan Pemasaran Buku (MAPIM)

Anjuran : Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM)

Tarikh : 8-10 Mei 2024

Peserta :

1. Jasmi Ezmeer bin Jamal

2. Ammar Gaddafi bin Ishak

Seminar Organisasi Keselamatan Kebakaran (Okk) Bagi Premis Yang Ditetapkan Tahun 2024

Anjuran : Persatuan Sukan, Kebajikan dan Kebudayaan Bomba dan Penyelamat Negeri Kedah

Tarikh : 10 Jun 2024

Peserta : Eliani Aziana binti Abu Bakar

Kursus COSO-Based Internal Auditing

Anjuran : Jawatankuasa Ketua-Ketua Audit Dalam (JKAD) Universiti Awam Malaysia

Tarikh : 10-11 Jun 2024

Peserta : Siti Fairuz Binti Mohd Arshad

Google Ambassador Program

Anjuran : Bahagian Pengurusan Maklumat, KPT

Tarikh : 24-25 Jun 2024

Peserta : Mohd Hafiz Ismail

Persidangan Juruaudit Kebangsaan 2024

Anjuran : Jabatan Audit Negara

Tarikh : 25 Jun 2024

Peserta : Normiza binti Othman

Persidangan Northern Region Pharmacist Conference 2024

Anjuran : Persatuan Farmasi Malaysia Kedah-Perlis

Tarikh : 29-30 Jun 2024

Peserta : Mohd Idzuan bin Ahmad Johari

Radiation Safety Refresher Course

Anjuran : MMTC Asia Sdn Bhd

Tarikh : 7-8 Februari 2024

Peserta : Murizam Bin Darus

Member Induction Course E-Learning

Anjuran : Malaysia Institute of Accountants (MIA)

Tarikh : 16 Februari 2024

Peserta : Norhafizah Binti Baharuddin

Keselamatan Sinaran dan Kesihatan

Anjuran : Pusat Kecemerlangan Nuklear Malaysia

Tarikh : 20-22 Februari 2024

Peserta : Ahmad Zulhafizi Bin Azmi

Kursus Human Resources Champions: Perancangan Dan Pembangunan Organisasi Siri 1/2024

Anjuran : Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia, INTAN Kampus Utama Bukit Kiara, Kuala Lumpur

Tarikh : 20-22 Februari 2024

Peserta : YM Raja Shah Erman Raja Arifin

Sijil Profesional Pengurusan Aset dan Fasaliti Kerajaan

Anjuran : UTM dan SRS Knowledge Fusion Sdn. Bhd.

Tarikh : 4-5 Mac 2024

Peserta : Siti Dzahira Binti Ghazali

Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Bidang Seni Budaya

Anjuran : Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)

Tarikh : 18 Mac 2024

Peserta :

1. Libren Francis Dublin
2. Roslizawati Salwana Binti Din
3. Nor Hidayah Binti Wahab
4. Norrizam Bin Nordin
5. Makhadzir Bin Mohamad Mastaram

Kursus Penilaian Risiko Kimia Ke Atas Kesihatan (CHRA)

Anjuran : National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH)

Tarikh : 6-7 Mei 2024

Peserta : Ahmad Luqman Afiq bin Abdullah

Empowering Wellness Through Therapeutic Taping

Anjuran : Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi, UiTM Shah Alam

Tarikh : 27 Julai 2024

Peserta : Muhamad Iffathan Bin Mahmad Yusuf

Seminar Persediaan Menghadapi Jawatankuasa Contract Coordination Panel (CCP)

Anjuran : Jabatan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Tarikh : 29-30 Julai 2024

Peserta :

1.En. Jasni bin Hashim

2.Ts. Muhammad Nazman bin Mustafa

Seminar Persediaan Menghadapi Jawatankuasa Contract Coordination Panel (CCP) Jabatan Undang-Undang Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Anjuran : Pejabat Penasihat Undang-Undang USIM

Tarikh : 29-30 Julai 2024

Peserta : Zainudin bin Zainon

Yuran Komitmen Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) Universiti Awam (UA) kali ke-17 di UMPSA

Anjuran : Universiti Malaysia Pahang Al Sultan Abdullah (UMPSA)

Tarikh : 7-8 Ogos 2024

Peserta : ULPB

Program Penjanaan Melalui Latihan-Sesi Perkongsian Universiti Awam

Anjuran : Bahagian Kepimpinan dan Pembangunan Bakat (BKePT), Jabatan Pendaftar, UMS

Tarikh : 8-9 Ogos 2024

Peserta : YM Raja Shah Erman Raja Arifin

Seminar Pematuhan Syariah Dalam Pengurusan Kewangan Universiti / Institusi 2024

Anjuran : Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Tarikh : 13 Ogos 2024

Peserta :

1. Farid Gadaffi bin Romli

2. Siti Zahirah binti Azizan

Seminar Kebangsaan Audit Dalam 2024

Anjuran : Jawatankuasa Ketua-Ketua Audit Dalam (JKAD), Universiti Awam (Biro Pembangunan Kompetensi)

Tarikh : 26-27 Ogos 2024

Peserta : Nurul Shafinaz Binti Zainal

Kursus ICT4U 2.0 Conference on ICT for University 2024

Anjuran : Pusat Pengetahuan, Komunikasi & Teknologi, USM

Tarikh : 18-19 September 2024

Peserta :

1. Najdawati binti Mohd Fadzil

2. Norismiza Binti Ismail

Bengkel Penggubalan Undang-Undang

Anjuran : Bahagian Gubalan, Jabatan Peguam Negara

Tarikh : 24-27 September 2024

Peserta : Zainudin Bin Zainon

Persidangan Psikologi Dan Kaunseling Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) Peringkat Kebangsaan 2024

Anjuran : Jawatankuasa Pengurusan Psikologi dan Kaunseling Staf Universiti Awam (JKPPsiKUA)

Tarikh : 25-26 September 2024

Peserta :

1. Nur Aimi Binti Muslim

2. Muhamad Zul Izzat Bin Jamil

Elsevier-MTUN Symposium 2024: Transforming Technical Education with AI

Anjuran : Universiti Malaysia Pahang Al Sultan Abdullah (UMPSA)

Tarikh : 30 September 2024

Peserta : Md Nizam Bin Azid

Seminar Leaders Go Global

Anjuran : Universiti Teknologi Malaysia (UTM)

Tarikh : 3 Oktober 2024

Peserta : Muhamad Azuan Bin Mohamad Nasir

2024 11th Southern Dental Congress

Anjuran : Malaysian Dental Association Southern Zone

Tarikh : 10-12 Oktober 2024

Peserta : Riwayati Suprobo

Kursus Pemantapan Skim S (Sukan) Universiti Malaysia Awam 2024

Anjuran : Pusat Sukan Universiti Kebangsaan Malaysia

Tarikh 21-23 Oktober 2024

Peserta :

1. Harith Ammar Bin Mohd Sobri
2. Anas Efendi Bin Abdul Rahma

Persidangan "International Fire Conference And Exhibition Malaysia" (IFCEM) 2024

Anjuran : Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

Tarikh : 22-24 Oktober 2024

Peserta : Mohd Anuar Bin Jalani@Zaini

International conference on psychological well being (ICOPW)

Anjuran : Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)

Tarikh : 1 & 2 oktober 2024

Peserta :

1. Mardzlifa binti Adam
2. Nur Shafissa binti Shabudin

BILANGAN PERMOHONAN PEMBAHARUAN YURAN TAHUNAN & YURAN SIJIL KOMPETENSI 2024

- Yuran Keahlian Persatuan Badan Berkanun Malaysia Bagi Tahun 2024
- Yuran Tahunan 2024 keahlian Jawatankuasa Sumber Manusia Universiti Awam (JKSMUA)
- Yuran Tahunan (2024) Keahlian Jawatankuasa Pendaftar-pendaftar Universiti Awam (JKPUA)
- Yuran Komitmen Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) Universiti Awam (UA) kali ke-17 di UMPSA



KURSUS - KURSUS DALAM PERKHIDMATAN

Kursus Dalam Perkhidmatan merupakan program latihan yang disediakan untuk penjawat awam bagi meningkatkan kemahiran, pengetahuan dan kecekapan dalam melaksanakan tugas mereka. Kursus ini bertujuan untuk memperkasa profesionalisme penjawat awam agar mereka dapat menyumbang secara lebih berkesan kepada organisasi.

Pelaksanaan Kursus Dalam Perkhidmatan bagi tahun 2024 adalah seperti berikut :

► Program Transformasi Minda (PTM)

Program Transformasi Minda merupakan kursus berstatus wajib hadir bagi staf UniMAP yang telah mendapat status TETAP dalam jawatan dan proses untuk di SAH kan jawatan. Seramai 39 orang staf UniMAP telah memohon sebagai peserta dan telah hadir serta lulus dengan jayanya.

► Peperiksaan Perkhidmatan

Peperiksaan Perkhidmatan merupakan proses penilaian bagi memastikan penjawat awam memiliki pengetahuan, kemahiran dan kompetensi yang diperlukan untuk melaksanakan tugas dengan cekap dan profesional. Seramai 13 orang staf dari pelbagai perjawatan telah memohon untuk mengambil peperiksaan.

► Peperiksaan Bayaran Insentif Tugas Kewangan (BITK)

Bayaran Insentif Tugas Kewangan (BITK) adalah salah satu insentif yang diberikan kepada penjawat awam di Malaysia yang melaksanakan tugas-tugas berkaitan kewangan. Insentif ini bertujuan untuk menghargai tanggungjawab tambahan yang melibatkan pengendalian kewangan kerajaan, ketepatan dan kecekapan tinggi.

Peperiksaan Bayaran Insentif Tugas Kewangan (BITK) merupakan salah satu syarat yang perlu dipenuhi oleh penjawat awam yang ingin menerima Bayaran insentif Tugas Kewangan. Peperiksaan ini bertujuan untuk memastikan calon mempunyai pengetahuan dan kefahaman yang mencukupi dalam melaksanakan tugas-tugas kewangan dengan cekap dan mematuhi peraturan kewangan yang ditetapkan. Pada tahun 2024, Seramai tujuh(7) orang staf telah mengambil peperiksaan tersebut.

REKOD KEHADIRAN STAF BERKURSUS BAGI TAHUN 2024

Bagi tahun 2024, UniMAP masih mengekalkan jumlah tujuh (7) hari minimum berkursus kepada semua staf bagi memantapkan lagi kompetensi keseluruhan staf di UniMAP. Namun begitu, pekeling tersebut telah dimansuhkan dan akan digantikan dengan penilaian kehadiran berkursus berpandukan kepada mata CPD yang telah dilaksanakan pada akhir tahun 2024. Peratusan penglibatan staf berkursus dilihat amat memberangsangkan dan bilangan keseluruhan staf UniMAP mengikut kumpulan perkhidmatan yang menghadiri kursus sepanjang 2024 adalah seperti berikut:

Rekod Kehadiran Staf Berkursus Tahun 2024

KATEGORI	BILANGAN STAF		
	Keseluruhan	≥ 7 Hari	< 7 Hari
Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Akademik)	1118	757	361
Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Pentadbir)	220	194	26
Kumpulan Pelaksana	750	627	123
JUMLAH	2088	1578	510
PERATUS		75.6%	24.4%



STATISTIK JUMLAH STAF/FELO SEHINGGA DISEMBER 2024

Berikut adalah statistik staf/felo cuti belajar sehingga 31 Disember 2024.

FAKULTI	STAF		
	Aktif	Lapor Diri Belum Tamat Pengajian	Tamat Pengajian
Fakulti Teknologi & Kejuruteraan Awam (FKTA)	3	3	2
Fakulti Teknologi & Kejuruteraan Kimia (FKTK)	8	9	4
Fakulti Teknologi & Kejuruteraan Mekanikal (FKTM)	4	11	1
Fakulti Teknologi & Kejuruteraan Elektronik (FKTKEN)	6	2	3
Fakulti Teknologi & Kejuruteraan Elektrik (FKTE)	12	20	7
Fakulti Perniagaan & Komunikasi (FPK)	7	12	2
Institut Matematik Kejuruteraan (IMK)	7	5	1
Jabatan Perpustakaan		1	
Pusat Pengurusan & Pembangunan Digital		1	
JUMLAH	47	64	20

FAKULTI	FELO		
	Aktif	Lapor Diri Belum Tamat Pengajian	Tamat Pengajian
Fakulti Teknologi & Kejuruteraan Kimia (FKTK)		1	
Fakulti Teknologi & Kejuruteraan Mekanikal (FKTM)	1		
Fakulti Teknologi & Kejuruteraan Elektronik (FKTKEN)		1	
Fakulti Perniagaan & Komunikasi (FPK)			1
JUMLAH	1	2	1

TAKLIMAT PERSEDIAAN CUTI BELAJAR

Taklimat Persediaan Cuti Belajar adalah bertujuan untuk memaklumkan tanggungjawab dan peranan staf/felo sebelum, semasa dan selepas tempoh cuti Belajar. Disamping itu juga, dapat membantu staf/felo memahami dan mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh unimap dan Kementerian Pendidikan tinggi (KPT). Disamping itu juga, taklimat ini dapat membantu staf/felo membuat persediaan dan perancangan bagi menghadapi cabaran semasa cuti Belajar.

Taklimat diadakan 29 Ogos 2024 yang melibatkan lapan (8) orang staf UniMAP. Taklimat ini pada ini melibatkan beberapa penceramah iaitu Prof. Ir. Dr. Mohd Shukry Abdul Majid, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) bagi sesi perkongisan pengalaman, Tuan Zainudin Zainon, Penasihat Undang-Undang UniMAP bagi sesi Peruntukan Undang-Undang Mengenai Cuti Belajar, Pn. Nyak Madzura bagi taklimat berkaitan Dasar Perkhidmatan dan En. Ahmad Syakir bagi sesi pengenalan Sistem OPL.

Pada sesi akhir taklimat ini, Pendaftar dan Timbalan Pendaftar telah menyampaikan amanat dan hasrat Universiti kepada staf dan felo dan juga mengucapkan selamat maju jaya kepada mereka untuk memulakan pengajian.



CUTI SABATIKAL

UniMAP juga menawarkan kemudahan Cuti Sabatikal kepada staf akademik untuk penerbitan buku atau penyelidikan dalam bidang kepakaran serta berpeluang memperolehi pengalaman dan pengetahuan tentang perkembangan dan kemajuan teknologi terkini dalam sesuatu bidang kepakaran demi untuk memanfaatkan kepada warga universiti mahupun negara. Pada tahun 2024, dua (2) orang staf akademik yang telah menjalani skim cuti sabbatical dalam dan luar negara.

SKIM SANGKUTAN (STAF UniMAP)

Skim ini ditawarkan kepada ahli akademik dan staf pentadbiran UniMAP untuk memberi pendedahan berfokuskan ilmu pengetahuan, pengalaman profesional dan perkongsian amalan terbaik agar staf dapat menjalankan tugas yang diamanahkan dengan efektif, kreatif, proaktif dan inovatif yang menepati keperluan semasa. Bagi tahun 2024, seramai tujuh(7) orang staf akademik yang mengikuti skim Sangkutan Akademik ini secara sepenuh masa dan separuh masa.

JENIS SKIM/PROGRAM	STAF UniMAP	BUKAN STAF
Pasca Kedoktoran	2	24
Sabatikal	2	-
Sangkutan Staf Akademik	7	-
Sangkutan Staf Pentadbiran	-	-
JUMLAH	11	24

SKIM PENGAJIAN LANJUTAN KAKITANGAN AKADEMIK (SPLKA)

Seramai empat(4) orang staf akademik UniMAP telah diluluskan untuk Cuti Belajar di peringkat Ijazah Kedoktoran di bawah skim ini. Terdapat dua(2) skim yang ditawarkan iaitu Skim Peningkatan Profesionalisme (PP) dan Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB). Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB) merupakan tajaan pengajian oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

Berikut adalah data staf akademik yang terlibat bagi tahun 2024 adalah seperti berikut:

Fakulti Teknologi & Kejuruteraan Elektrik	1
Fakulti Perniagaan & Komunikasi	2
Institut Matematik Kejuruteraan	1

SKIM PASCA KEDOKTORAN (POST-DOCTORAL)

Skim ini ditawarkan bagi memberi peluang kepada Staf Akademik UniMAP dan Bukan Staf yang telah menamatkan pengajian di peringkat Ijazah Kedoktoran (PhD) untuk menjalankan aktiviti-aktiviti akademik lanjutan seperti pengajaran, penyelidikan, penulisan, penerbitan dan perundingan berhubung bidang pengajian yang dijalankan oleh mereka. Bilangan Staf UniMAP yang mengikuti skim ini pada tahun 2024 adalah dua(2) orang di bawah pembiayaan sendiri. Bagi Skim Pasca Kedoktoran UniMAP (Bukan Staf), seramai 24 orang penyelidik luar telah diluluskan untuk menjalani skim ini.

JUMLAH PENJANAAN KEWANGAN TAHUN 2024

Kursus Membangunkan Ekosistem Sumber Manusia Berteraskan Kompetensi.

Developing The Human Resources Ecosystem Based on Competencies (HREC)

Jumlah Penajaan ke Tabung Enterprise : RM 2,395.75

Tarikh: 22-24 Oktober 2024

Tempat: Vouk Hotel Suite Penang

Bilangan peserta: 10 peserta

- UniSZA (4)
- UUM (1)
- UPSI (1)
- UiTM (3)
- UniMAP (1)





PENGURUSAN KEWANGAN

PERUNTUKAN DITERIMA

PERUNTUKAN DITERIMA TAHUN 2024

Peruntukan Operasi (Jabatan) : RM100,000

Peruntukan Pusat : RM3,953,000.00

Jumlah Keseluruhan : RM4,053,000.00

PERUNTUKAN OPERASI (JABATAN)

VOT/PERUNTUKAN	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)	% BELANJA
14 - Elaun dan Lebih Masa	-	-
21- Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup	29,000.00	97.85
23- Perhubungan dan utiliti	2,500.00	73.99
24-Sewaan	9,120.00	100
25-Bahan Makanan dan minuman	5,600.00	77.10
27-Bekalan dan bahan-bahan lain	18,040.00	98.18
28-Penyelenggaraan dan pembaikan kecil	12,900.00	71.20
29-Perkhidmatan ikhtisas dan hospitaliti	8,000.00	89.06
30-Harta Modal Lain	13,840.00	100
JUMLAH	100,000.00	

PERUNTUKAN PUSAT

VOT/PERUNTUKAN	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)	% BELANJA
Perbelanjaan Perjalanan Dan Sara Hidup 3100-2100	25,000.00	32.03
Perhubungan dan utiliti 3100-23000	186,300.00	81.15
Bekalan dan bahan-bahan lain 3100-27000	153,332.00	97.46
Perkhidmatan ikhtisas dan hospitaliti 3100-29000	82,682.02	88.20
Biasiswa & Aktiviti Pelajar 3100-41000	50,000.00	36.60
Ganjaran 3100-47000	134,550.00	35.66
Perkhidmatan ikhtisas dan hospitaliti – Perubatan 3101-29000-02	9,000.00	93.36
Perkhidmatan ikhtisas dan hospitaliti – Perubatan 3101-29000-04	1,541,000.00	88.87
Perkhidmatan ikhtisas dan hospitaliti – Latihan 3102-29000	200,000.00	84.69
Perkhidmatan ikhtisas dan hospitaliti – Pengurusan Mesyuarat LPU 3104-29000	850,000.00	71.97
Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup (KTW) 3105-21000	34,000.00	54.92
Perkhidmatan ikhtisas dan hospitaliti – Staf Kontrak (Bukan Warganegara) 3105-29000	54,000.00	74.54
Perkhidmatan ikhtisas dan hospitaliti – Konvokesyen 3106-29000	999,211.79	96.41
JUMLAH	4,319,075.81	



LENSA KAMERA

MAJLIS AMANAT MENTERI BESAR PERLIS BERSAMA PENJAWAT AWAM 4 JANUARI 2024



**MAJLIS LANDASAN HALA TUJU
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
12 JANUARI 2024**



ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) & ANUGERAH KHAS PERKHIDMATAN CEMERLANG (AKPC) 7 MAC 2024



ANUGERAH KHAS PERKHIDMATAN LAMA (APL) 7 MAC 2024



MAJLIS SEMARAK RAMADAN KPT@UniMAP 22 MAC 2024



FESTIVAL NASYID UniMAP 26 MAC 2024



Syabas & Tahniah



KUMPULAN AL-AQSA
(JABATAN PENDAFTAR & JABATAN KESELAMATAN)

PEMENANG

**BUSANA TERBAIK &
BERJAYA MENDUDUKI TEMPAT KE-7**

Sempena

**FESTIVAL NASYID
UniMAP 2024**

*Ikhlas Daripada
Seluruh Warga Jabatan Pendaftar*

MAJLIS IFTAR JAMAIE 29 MAC 2024



MAJLIS RIANG RIA RAYA@UniMAP
22 APRIL 2024



SESI SANTAI NAIB CANSELOR BERSAMA JPA & KPT 12 JUN 2024



JAMUAN DURIAN KELAB JABATAN PENDAFTAR 19 JULAI 2024



PROGRAM KACAU BUBUR ASYURA 26 JULAI 2024



SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN KE-67 21 OGOS 2024



PROGRAM KEMBARA MERDEKA ZON UTARA UMK-UUM -UniMAP 23 OGOS 2024



PERJUMPAAN BERSAMA NAIB CANSELOR PENYERAHAN SURAT TAWARAN KENAIKAN PANGKAT



SEKALUNG PENGHARGAAN KEPADA AHLI SIDANG REDAKSI

- Raja Shah Erman Bin Raja Arifin
- Alma Azizah Binti Abdul Rahim
- Anis Marini Binti Alauddin
- Aznira Binti Abdul Azib
- Mohd Hairi Bin Osman
- Muhaimin Bin Mukhtar
- Normiza Binti Mahmud
- Nur Shafissa Binti Shabudin
- Rahaida Binti Ab Rahim
- Rohazani Binti Bahari
- Rosmawatie Binti Abd Latif
- Salfarina Binti Omar
- Nor Azreen Binti Mohd Yussof
- Mohd Shahfi Bin Ismail
- Liyana Binti Abdul Halim @ Selvaratnam
- Najmi Bin Zakaria
- Sanisah Binti Sabu
- Azwanee Binti Idzahar @ Idzhar
- Irdawati Binti Darus
- Noramashita Binti Ahmad
- Afiza Binti Johari
- Azila Binti Zainol
- Azilawati Binti Abdullah
- Hariatul Izani Binti Mahmad Khory
- Ku Ismafauzia Binti Ku Ismail
- Nor Azlina Binti Isa
- Nyak Madzura Binti Md Fazilah
- Amirul Syehan Bin Khisham
- Faizan Bin Abdul
- Hamizal Bin Hamid
- Khairul Fazli Bin Abdullah
- Noraishah Binti Abu Bakar
- Norliana Binti Bidi
- Shaifful Bin Dali
- Sharifah Sabrina Binti Syed Mustaffa
- Salimin Bin Bakri
- Zulkarnai Bin Zulkifli



UNIVERSITI
MALAYSIA
PERLIS

**JABATAN PENDAFTAR
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS**



**Jabatan Pendaftar
Universiti Malaysia Perlis
Aras 1, Canselor Tuanku Syed Sirajuddin
Kampus Alam UniMAP
Pauh Putra
02600 Arau
Perlis, MALAYSIA**